

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 180 ● 2 - 8 SEPTEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV



Pesona Floria 2022

ACARA tahunan Floria Diraja Putrajaya atau Royal Floria Putrajaya (RFP 2022) merupakan salah satu produk ekonomi yang menjadi penyumbang penting kepada sektor pelancongan negara.

Setelah lebih dua tahun ditangguhkan akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara, kini festival bunga dan taman terbesar di rantau ini kembali memaparkan bunga orkid sebagai bunga tema selain lebih 400,000 pokok daripada pelbagai spesies dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan.

Bukan sahaja diserikan dengan bunga-bunga bahkan penganjurannya sinonim dengan semangat 'Keluarga Malaysia' yang membolehkan rakyat Malaysia pelbagai kaum, budaya, kepercayaan dan peringkat umur menyertai program dan aktiviti yang disediakan sepanjang festival yang berlangsung bermula 29 Ogos hingga 4 September 2022.

Festival ini turut mengambil kira Sambutan Jubli Perak Putrajaya yang ke-25 tahun serta Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ke-65.

LAGI BERITA/GAMBAR
DI MUKA 2 & 12

MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mengiringi lawatan Raja Permaisuri Agong ke Royal Floria Putrajaya 2022 pada Isnin lalu.




Elizabeth Tan
lebam kerana
Abang Long Fadil 3



Latihan
pertahanan awam
bentuk jati diri



Food hunting
bersama
Syafie Naswip



Dulu sewa
mesin jahit, kini raib
RM35,000 sebulan



Hamparan
bunga terbesar
di RFP 2022

>> 14

>> 15

>> 16

>> 21

>> 9, 10, 11

2,000 orkid Oncidium berwarna kuning hiasi terowong laluan Permaisuri Agong

DIANA AMIR

RAJA Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan merasmikan Floria Diraja Putrajaya (RFP 2022) yang diadakan di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya.

Keberangkatan tiba Tunku Azizah disambut Menteri Wilayah Persekutuan; Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bersama isteri Datin Seri Shamsiah M Yassin; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias bersama isteri; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPR Fadlun Mak Ujud.

Raja Permaisuri turut menzahirkan kecintaan terhadap tanaman hiasan dan sayur-sayuran dengan menjadikan aktiviti penanaman sebagai aktiviti harian ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Saya sentiasa sukakan bunga. Ketika ‘dua tahun’ dikunci di



RAJA Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berjalan di laluan yang dihiasi orkid dan bunga berwarna kuning di RFP 2022.

istana, saya bersama-sama warga istana, kami sempat berkebun menanam sayur di belakang istana.

“Sekarang masih ada kebun itu namun disebabkan kesibukan, kuranglah pergi ke kebun. Banyak hasil yang kami dapat seperti timun, bayam brazil, kangkung,

kacang botor dan jagung.

“Saya merayu warga istana untuk kembali berkebun dan mungkin kali ini tanam pokok bunga pula,” seloroh baginda ketika sesi perasmian RFP 2022 Isnin lalu.

Seri Paduka berkenan



PEKERJA landskap bertungkus-lumus menghiaskan terowong laluan Permaisuri Agong sempena RFP 2022.

meluangkan masa lebih sejam melawat sekitar tapak pameran RFP 2022.

Pada majlis itu, Seri Paduka turut dipersembahkan dengan spesies orkid Phalaenopsis sebagai kenang-kenangan dari Perbadanan Putrajaya (PPj).

Terdahulu, sempena perasmian, sebanyak lebih 2,000 orkid Oncidium berwarna kuning digunakan untuk hiasan Terowong Oncidium sebagai laluan Diraja. Pada waktu malam, laluan terowong dilimpahi kesan cahaya khas. **WK**

Floria Diraja Putrajaya sumbang NKEA

AINI MAWAWI

PENGANJURAN Floria Diraja Putrajaya setiap tahun dapat menyumbang kepada peningkatan potensi industri bunga-bunga, landskap dan pelancongan sebagai satu daripada Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area/NKEA).

Menurut Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**, festival bunga dan taman serta landskap yang berkualiti memacu perkembangan industri sebagai satu alternatif pelaburan yang menguntungkan negara serta rakyatnya.

“Ia boleh mencetuskan pelbagai peluang perniagaan dan perkhidmatan yang luas meliputi bidang-bidang semaihan komersil; bekalan bahan tanaman bunga dan hiasan; perundungan dan penyenggaraan landskap juga perkebunan.

“Tidak ketinggalan juga bekalan jentera dan peralatan perkebunan; sewaan pokok bunga, hiasan bunga, perundungan persekitaran, pemuliharaan sumber alam dan eko-pelancongan,” ujar beliau ketika Majlis Perasmian Floria Diraja Putrajaya (RFP 2022) di Anjung Floria Presint 4, Putrajaya, pada Isnin.

Tambah beliau lagi, festival itu juga menjadi acara tahunan yang ditunggu-tunggu oleh peniaga, pembeli serta peminat bunga-bunga dan tanaman hiasan.

“Setelah 11 kali penganjuran, Floria kini berperanan sebagai landasan atau platform bagi



RAJA Permaisuri melawat Laman Astaka Diraja selepas merasmikan Festival Floria Diraja 2022 diiringi Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bersama Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias (dua kanan) dan KSU KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar (kanan).

‘networking’ dalam kalangan pengusaha, pengimport serta mereka yang mencebur ke bidang pertanian dan hortikultur,” ujar beliau.

Terdahulu, penganjuran kali ke-12 RFP 2022 dengan tema Floria Hebat dirasmikan oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Shahidan turut menyifatkan ketika ini Floria Diraja Putrajaya adalah satu-satunya festival bunga dan taman di Malaysia yang menyediakan pakej pameran bunga serta pelbagai aktiviti sinonim dengan semangat ‘Keluarga Malaysia’.

“Ia dapat menghimpun rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat, budaya, kepercayaan dan kaum untuk turut serta dalam lebih 100 program dan aktiviti yang disediakan sepanjang tujuh hari festival ini berlangsung bermula 29 Ogos sehingga 4 September 2022.

Festival ini bertujuan untuk memupuk dan menyuburkan rasa cinta dan kasih rakyat serta pelawat kepada keindahan pelbagai warna bunga dan tumbuhan yang banyak berkaitan dengan kebudayaan dan nilai-nilai masyarakat Malaysia.

“Ia sekali gus membudayakan aktiviti landskap dan perkebunan sebagai satu gaya hidup sihat dan sejahtera,” ujar beliau.

Dalam pada itu, Shahidan berkata penganjuran RFP 2022 menunjukkan komitmen berterusan Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dan matlamat pembangunan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang moden dan pintar serta memperkuuhkan imej Bandar Dalam Taman, setelah dua tahun tidak dapat dijayakan akibat pandemik. **WK**

Orkestra DBKL gamatkan Sambutan Ambang Merdeka 2022

WARGA kota kembali membanjiri beberapa lokasi tumpuan bagi menunggu detik 12 tengah malam, sekali gus menyemarakkan lagi sambutan Ambang Merdeka di ibu negara pada tahun ini.

Walaupun tanpa kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob serta Menteri Kabinet dan pegawai kanan kerajaan, Sambutan Ambang Merdeka 2022 di Panggung Aniversari, Taman Tasik Botani Perdana meriah dengan pelbagai acara termasuk disajikan dengan persembahan tarian kebudayaan dan persembahan artis terkenal seperti Aweera, Datuk Seri Manimala, Yazir,

Ekin dan Kumpulan Gerhana Skacinta dengan irungan Orkestra Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sambutan tersebut diserikan dengan kehadiran Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Sulaiman Mohamed yang mewakili Datuk Bandar Kuala Lumpur turut disertai Pengarah-pengarah Eksekutif mengetui laungan kemerdekaan sebanyak tujuh kali sebaik detik 12 malam diikuti persembahan dan nyanyian lagu Tanggal 31, Negaraku dan lagu tema Sambutan Hari Kemerdekaan, Keluarga Malaysia Teguh Bersama.

Program tersebut diacarkan oleh Qi Razali dan Haiza. **WK**



PENGARAH Eksekutif Perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Datuk Sulaiman Mohamed memimpin pengunjung melaungkan kalimat Merdeka sebanyak tujuh kali pada detik 12 malam.

Tutup Jalan TAR setiap Ahad

'New content' jadi tarikan pengunjung

AZLAN ZAMBRY

INISIATIF baharu Program Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) Bebas Kenderaan yang diadakan setiap Ahad mendapat sokongan semua pihak termasuk para peniaga di kawasan berkenaan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata sebelum inisiatif bagi menutup jalan itu diambil, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil kira pandangan semua pihak bagi memastikan program tersebut dapat bertahan lama dan tidak mendatangkan masalah pada masa hadapan.

"Bandar raya ini mempunyai banyak pihak berkepentingan, maka jika mahu anjurkan sebarang aktiviti atau pembaharuan, pandangan mereka perlu diambil kira dan kerja yang kita laksanakan ini perlukan sokongan mereka, maka akan ada kesepadan yang tinggi supaya ia kekal lama."

"Peniaga yang bernaung di bawah Bara menyokong program yang dijalankan ini dan tiada halangan asalkan kita tak jual barang yang sama dengan mereka," katanya kepada pemberita sewaktu meninjau operasi hari pertama Program Jalan TAR Bebas Kenderaan pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan DBKL, Norzaini Noordin.

Jelasnya inisiatif tersebut



MAHADI (kiri) mendengar penerangan mengenai sebuah karya seni yang ditunjukkan ketika Program Jalan TAR Bebas Kenderaan pada Ahad.

merupakan satu usaha bagi menyediakan 'new content' untuk menarik pelancong berkunjung ke Kuala Lumpur.

"Kita selalu bercakap mengenai pelancongan, dan ia tidak boleh menumpukan kepada satu produk untuk selama-lamanya, dan perlu ada pembaharuan untuk menarik orang ramai berkunjung dan menikmati persekitaran baru yang berkualiti seperti program ini.

"Untuk menarik pengunjung ke Kuala Lumpur, kita perlukan program baharu serta menarik ini dan mendapat maklum balas yang positif daripada orang ramai. Selepas ini kita akan uar-uarkan dan perbanyakkan publisiti untuk menarik kedatangan orang ramai,"

katanya.

Terdahulu DBKL pada Jumaat memaklumkan bahawa Jalan TAR akan ditutup kepada kenderaan bermula dari persimpangan Jalan Esfahan ke Jalan Melayu bagi mewujudkan kawasan pejalan kaki di tengah bandar pada setiap Ahad bermula 28 Ogos 2022 dari pukul 6 pagi hingga 12 malam.

Sementara itu, inisiatif DBKL dalam menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar mesra pejalan kaki disambut baik warga kota dan menganggap usaha tersebut memberikan pengalaman baharu.

Mohd Talha Harun yang menetap di Cheras menyifatkan inisiatif baharu tersebut memberikan pengalaman unik kerana



MAHADI (tengah) menerima cenderahati daripada badut ketika meninjau pelaksanaan Program Jalan TAR Bebas Kenderaan pada Ahad.

kawasan tersebut sebelum ini sesak dengan kenderaan kerana ia adalah kawasan tumpuan orang ramai membeli-belah.

"Sebelum ini memang agak kurang untuk berkunjung ke kawasan ini kerana ia sesak dengan kenderaan lebih-lebih lagi ketika membeli barang keperluan bersama anak-anak. Apabila DBKL menutup jalan ini untuk semua kenderaan, saya lihat ia usaha yang baik dan rasa selamat kerana ia agak lapang dan anak-anak boleh berlari-lari tanpa risau terhadap kenderaan lalu-lalang.

"Selain itu, untuk permulaan ini juga amat baik ada pelbagai aktiviti untuk setiap lapisan masyarakat," katanya.

Bagi Azlan Ismail, 36, yang menetap di Sentul berkata keputusan DBKL menutup Jalan TAR bagi memberi lalu-lan untuk program seni amat dialu-alukan memandangkan warga kota perlu kepada aktiviti yang boleh mengurangkan stress setelah penat bekerja sepanjang minggu.

"Apabila ada aktiviti seni dan budaya di Kuala Lumpur itu sangat bagus dan ia bagus untuk memperkenalkan budaya kita ke peringkat antarabangsa. Dan apabila ia dilaksanakan menggunakan platform ini, ia sangat sesuai kerana boleh menarik kehadiran pengunjung kerana Jalan TAR ini memang terkenal dengan kesesakan sebelum ini," katanya. **WK**

Kuala Lumpur jadi hab industri dron komersial

BANDAR raya Kuala Lumpur berpotensi menjadi pusat serantau dalam industri dron komersial kerana memiliki pelbagai faktor menarik termasuklah sokongan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta penggunaan secara meluas teknologi tersebut dalam aspek pengurusan bandar.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata Kuala Lumpur berhasrat menjadi sebuah Bandar Pintar serta terkemuka dalam bidang teknologi dan inovasi termasuk dalam teknologi dron yang selaras dengan visi DBKL yang mahu menjadikan Kuala Lumpur mampan, berdaya tahan dan bandar inklusif untuk semua.

"Kami berhasrat untuk membentuk Kuala Lumpur menjadi Bandar Pintar yang menempatkan orang ramai di pusat inisiatifnya, memanfaatkan teknologi dan data untuk mempertingkatkan kehidupan warga Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Kuala Lumpur International Dron & Remote Control Festival di Taman Tasik Titiwangsa yang



SHAHIDAN menerbangkan dron sebagai simbolik kepada pelancaran Festival Dron dan Alat Kawalan Jauh Antarabangsa Kuala Lumpur (KLID) 2022 di Taman Tasik Titiwangsa pada Sabtu.

dirasmikan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim pada Ahad.

Hadir sama, Pengurus Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM), Tan Sri Khairul Adib Abdul Rahman serta delegasi dari Indonesia, Singapura dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Mahadi berkata dengan latar belakang Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi, komersial dan aktiviti sosial, ia penting bagi

DBKL untuk memanfaatkan teknologi ini untuk memberikan perkhidmatan dengan lebih pantas dan cekap kepada warga kota termasuklah menggunakan dron untuk pemantauan lalu lintas dan kawalan banjir.

"Kami juga mahu melihat pertumbuhan penggunaan teknologi dron di Kuala Lumpur memandangkan ia berpotensi dalam meningkatkan ekonomi tempatan dengan melakukan revolusi

perniagaan merentasi pelbagai industri di samping penjanaan profesion berkaitan dron.

"Dron juga memberikan peluang menarik untuk industri pelancongan kerana ia membolehkan pemain industri pelancongan mempersembahkan tarikan pelancongan melalui video dan gambar udara yang dinamik untuk menarik lebih ramai pengunjung," katanya.

Sementara itu, Shahidan dalam ucapan perasmiannya menyifatkan festival KLID 2022 ini merupakan acara pertama terbesar dan cemerlang yang menghimpunkan pelbagai pem-pamer daripada sektor awam dan swasta, jenama antarabangsa, juruterbang dron dan komuniti di dalam satu festival besar yang belum pernah diadakan di Malaysia sebelum ini.

"Festival ini merupakan hasil kerjasama antara DBKL dengan beberapa kementerian dan agensi kerajaan lain serta sektor swasta, selain universiti, persatuan dan komuniti RC, jelas menunjukkan komitmen dan harapan Kuala Lumpur untuk menjadi hab dron di Malaysia dan juga di dunia," katanya. **WK**



SAJAK BAHTERA KELUARGA MALAYSIA

Bahtera ini,
ayuh kita layari bersama
harmoni dalam satu keluarga besar
kita teroka samudera sejarah
kita cari makna sebenar kebebasan
usaha rebah pada debur ombak membadi.

Mari kita peluk kenyataan
bahawa kitalah menentukan
ke mana bahtera ini ingin dibawa
usah diundang sengsara dan lara
ingatlah, kemerdekaan ini
mahal harganya.

Bahtera ini,
kita semarakkan kemesraan
perkukuh tiang seri kesepadan
teguh bersama
laju menuju dermaga bahagia.

Mohd Salleh Osman
Bahagian Perolehan dan Kewangan,
Kementerian Pengangkutan Malaysia

(Puisi ini telah dideklamasikan oleh **Mohd Asri Mohamed Ali**, Setiausaha Bahagian Pentadbiran, Kementerian Pengangkutan Malaysia di Perkarangan Lobi Utama Kementerian Pengangkutan Malaysia ketika sesi penjurian Program Keceriaan Antara Kementerian Tahun 2022 pada 23 Ogos 2022.)

Perkasa pertahanan negara melalui pendidikan penguatkuasaan undang-undang

SABRINA SABRE

SEMPENA ambang kemerdekaan negara Malaysia kali ke-65, pihak Innovative Student Management, EduCare Malaysia dan Kolej Antarabangsa Inovatif telah mengadakan Karnival Laluhan Kerjaya Penguatkuasaan Undang-Undang di Dewan Seri Seroja, Presint 15, Ahad lalu.

Menurut Pengarah Urusan Fakulti Latihan Penguatkuasaan Undang-Undang, **Johari Jamaluddin**, karnival ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan pendidikan terhadap bidang penguatkuasaan undang-undang di dalam negara.

"Bertemakan 'Memperkasakan Pertahanan Negara Melalui Pendidikan', karnival ini akan memberikan pendedahan kepada pelajar dan ibu bapa tentang wujudnya Program Latihan Penguatkuasaan Undang-Undang sebagai pilihan untuk sambung belajar ke Institusi Pengajian Tinggi yang menjurus ke arah pekerjaan badan unit beruniform seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan lain-lain.

"Karnival yang diadakan bersempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-65 negara kita ini turut dijayakan bersama ANS Diversified Sdn Bhd dan Yayasan Digital Malaysia yang diketuai oleh Ameera Nadia Mohd Shafiee serta Ts Nasru Syazwan Nawai.

"ANS Academy merupakan bahagian pengambilan pelajar di bawah ANS Diversified Sdn Bhd yang juga rakan strategik kepada Innovative International College bagi Diploma Penguatkuasaan Undang-Undang," katanya ketika berucap pada karnival tersebut.

Menurut Johari, sehingga hari ini lebih 4,000 kekosongan jawatan



ANTARA tetamu yang hadir memeriahkan Karnival Laluhan Kerjaya Penguatkuasaan Undang-Undang di Dewan Seri Seroja, Presint 15, Sabtu lalu.

dalam bidang penguatkuasaan undang-undang dan dianggarkan sebanyak 16,000 kekosongan jawatan pada masa akan datang.

"Hal ini menunjukkan pentingnya kelayakan yang jelas dalam jurusan sesuai dengan pasaran kerja. Selain pengetahuan secara teori, pelajar akan mendapat bimbingan dan pembelajaran secara praktikal oleh pensyarah-pensyarah berpengetahuan serta berpengalaman," jelasnya.

Selain itu, Johari memaklumkan pihaknya telah bekerjasama dengan PDRM pada 1 Julai lalu dengan pelantikan Asisten Komisioner Polis (ACP) Dr Parusuraman Subramanian sebagai Pensyarah Kanan (Separuh Masa) di Fakulti Latihan Penguatkuasaan Undang-Undang bawah kelolaan Innovative Student Management.

"Dengan kerjasama ini, diharapkan pelajar dapat menambah pengetahuan secara langsung dari pakar industri sekali gus memudahkan perjalanan untuk menempuh alam pekerjaan kelak.



JOHARI

"Para pelajar akan diberi pendedahan daripada pegawai yang berpengalaman dalam bidang kepolisan. Bahkan kita juga melantik pensyarah-pensyarah yang pakar dalam bidang penguatkuasaan undang-undang lain seperti Kastam, Badan Guaman dan Imigresen.

"Kita ingin memberi pelbagai pendedahan yang menjadi nilai tambah apabila pelajar bergraduasi kelak. Hal ini adalah selari dengan misi dan visi kolej ini untuk melahirkan graduan yang holistik secara akademik, kebolehpasaran yang tinggi dan berkepimpinan," katanya.

Dalam pada itu, karnival ini turut menawarkan para lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menceburi badan penguatkuasaan melalui modul pengajian tinggi yang telah diiktiraf penuh oleh Malaysian Qualification Agency, iaitu Sijil (Pra-Diploma) Pentadbiran Penguatkuasaan Undang-Undang (MQA: FA9816) dan Diploma Pentadbiran Penguatkuasaan Undang-Undang (MQA: FA9528). Mengulas lanjut, sempena

menyambut Kemerdekaan Malaysia kali ke-65, Program Latihan Penguatkuasaan Undang-Undang turut memberikan Biasiswa Terhad Kemerdekaan 65 sebanyak RM11,000 bagi menampung kos pembelajaran para pelajar di dalam fakulti ini.

"Diharapkan inisiatif ini dapat menyuntik kesedaran serta kefahaman khususnya masyarakat hari ini bahawa jurusan ini merupakan bidang yang dinamik. Mudah-mudahan, dengan komitmen semua warga kita dapat bersama-sama dalam merealisasikan objektif karnival pengajian ini diadakan.

"Bagi para pelajar dan ibu bapa yang ingin mengetahui mengenai program ini dengan lebih lanjut boleh layari laman sesawang www.uponline.com.my atau hubungi talian **011-75425670** (Pegawai ANS Academy), **013-3534112** (WhatsApp), **011-55514112** (Mudah Alih) dan **03-76125272** (Pejabat)," ujarnya.

Terdahulu, majlis disempurnakan oleh Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Putrajaya, Mohd Zushaidey Zulkifli. **W.K**

CERITA KEDAI KOP

Pilihan raya tahun ini?

TARIKH pembentangan Belanjawan 2023 yang dibawa ke hadapan pada 7 Oktober berbanding jadual asal pada 28 Oktober, menimbulkan spekulasi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 akan diadakan segera pada tahun ini juga.

Malah terdapat ramalan, sebaik sahaja Bajet 2023 itu dibentangkan, parlimen akan dibubar bagi memberi laluan kepada PRU-15. Tarikh tempoh tamat parlimen sekarang ialah pada Julai 2023.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ketika ditanya mengenai perkara itu hanya berkata tunggu sahaja bila parlimen dibubar. Beliau sendiri tidak memberi tarikh pasti di sebalik ramalan yang kian kencang ia akan dilaksanakan tahun ini.

Andaian umum diperkuatkan dengan desakan demi desakan oleh para pemimpin parti UMNO sendiri, baik dalam perhimpunan agung atau mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi (MKT) yang mahu parlimen dibubar segera.

Namun kawan-kawan Kedai Kopi bangga kerana dalam suasana desakan daripada parti sendiri yang mahu PRU segera diadakan, serta kehairahan rakyat yang ingin tahu pendirian Ismail Sabri, beliau terus komited melaksanakan tugas sebagai Perdana Menteri.

Beliau nampaknya tidak membiarkan desakan dan kehairahan orang ramai memesongkan fokus untuk mentadbir negara dengan pelbagai program memajukan ekonomi dan memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terjaga.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi berpendapat, Perdana Menteri dan anggota kabinet sepatutnya dibiar melaksanakan tugas tanpa gangguan. Biar beliau dan pasukannya memberi tumpuan secara bersepadan mentadbir negara dan menjaga kepentingan rakyat.

Justeru pada pandangan kawan-kawan Kedai Kopi, tidak perlulah memikirkan perkara lain seperti PRU sehingga ekonomi negara benar-benar stabil dan kehidupan rakyat kembali seperti dahulu, malah bertambah baik.

Tambahan lagi, tempoh tamat parlimen bukan lama lagi. Elok sahaja ditunggu sehingga penggal parlimen berakhir. Wang ringgit, masa dan tenaga yang perlu digunakan untuk pilihan raya boleh

disalurkan untuk memantapkan ekonomi dan kestabilan negara terlebih dahulu.

Tidak perlu rasanya untuk terburu-buru mengadakan PRU kerana kerajaan sekarang stabil dan mampu melaksanakan tanggungjawab dengan baik memandangkan pembangkang juga memberi sokongan melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang dicetuskan oleh Ismail Sabri.

Selagi MoU ini dipegang dan dipatuhi, kerajaan yang ada boleh berfungsi dengan lancar dan licin. Sehingga ini pembangkang menghormati MoU ini. Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi merasakan biarlah kerajaan terus berfungsi. Apabila tiba masanya nanti, PRU akan diadakan juga. Bersabarlah.

Menanti Hari Malaysia

SAMBUTAN ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-65 berlangsung dalam suasana penuh meriah dan patriotik serta berwarna-warni di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 31 Ogos lalu.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga dan kagum menyaksikan rakyat beramai-ramai memenuhi Dataran Merdeka untuk sama-sama meraikan sambutan serta menyaksikan perarakan dan persembahan yang diadakan. Terasa menitis air mata kawan-kawan

Kedai Kopi mengenangkan sudah 65 tahun negara terlepas daripada belenggu penjajah, menjadi sebuah negara bebas serta menentukan hala tuju sendiri. Jasa bakti pemimpin dahulu berjuang mencapai kemerdekaan sangat disanjung dan tetap terpahat dalam sejarah.

Mereka berjaya membuktikan Tanah Melayu mampu berkerajaan sendiri, mentadbir dan memakmurkan negara serta mensejahterakan rakyat. Apa yang ada pada hari ini adalah atas jasa pemimpin dahulu meletakkan asas kejayaan untuk memacu kemajuan negara.

Pemimpin yang ada sekarang meneruskan usaha menjadikan negara dan rakyat terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap rakyat jangan lupa ada satu lagi peristiwa penting bulan ini, sambutan ulang tahun penubuhan Malaysia pada 16 September. Tarikh ini detik bersejarah apabila Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura bersatu dalam gagasan Malaysia. Singapura bagaimana pun meninggalkan Malaysia pada 1965.

Sama-sama kita tunggu Hari Malaysia dalam semangat kesepakatan memastikan negara ini akan terus utuh, rakyat hidup dalam muhibah serta harmoni. Cintailah Malaysia tanah air kita. Bersatu kita teguh.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambry
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN


Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm868@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



Selamat Hari Kebangsaan 31 Ogos 2022



www.kwp.gov.my



Kementerian Wilayah Persekutuan



kwp.my



@kwp_my



@kwp.my

Menulis dan melepak di KL



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

PADA awal tahun 1980-an, antara kegiatan anak muda di Kuala Lumpur mengisi masa terluang adalah melepak di pusat membeli-belah. Selain melepak masing-masing memperkenan motor kapcai yang disolek cantik dan berkilat. Pada zaman rock, masing-masing bergaya dengan rambut panjang, jeans ketat dan kasut kanvas warna merah.

Pada waktu itu di Kuala Lumpur hanya ada beberapa pusat membeli-belah sahaja. Paling popular adalah Kompleks Pertama di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Ampang Park di Jalan Ampang. Kini Ampang Park hanyalah nama, bangunannya sudah dirobohkan.

Tidak lama selepas itu bangunan Daya Bumi, antara yang tertinggi selepas Menara Maybank pula menjadi lokasi tumpuan anak muda. Setiap petang di bahagian atas Daya Bumi penuh dengan anak-anak muda. Saya dan kawan-kawan juga selalu ke situ sebelum berduyun-duyun bergerak ke Central Market.

Waktu itu Central Market begitu istimewa kerana menjadi tempat bertemu kawan-kawan seniman jalanan. Restoran Mahsuri di Central Square terletak di sebelah Central Market adalah ‘port’ paling popular. Minum teh tarik segelas tetapi lepaknya berjam-jam lamanya.

Suatu yang menarik, bukan sahaja anak muda sebaya saya malah sekali sekala Sasterawan Negara A Samad Said, penyair Allahyarham T Alias Taib, aktivis teater Aziz HM dan beberapa lagi juga ke situ. Berkumpul dengan seniman-seniman ini mengutus banyak ilham kepada saya untuk menulis.

Sebenarnya saya sangat jarang berbual kosong dengan kawan-kawan, terutama seniman jalanan. Berada di depan mereka adalah sesi wawancara. Memang saya tidak mencatatkan apa-apa di buku nota, tetapi banyak yang terakam dalam ingatan. Kemudian menjadi bahan dalam tulisan.

Walaupun begitu ada waktunya saya memerlukan ruang untuk menyendiri ketika hari tidak bekerja. Tidak boleh



SELAIN Perpustakaan Negara, penulis juga kerap berkunjung di Perpustakaan Kuala Lumpur untuk membuat penyelidikan dan rujukan.

menyendiri di Central Market kerana ada sahaja kawan yang lalu dan singgah.

Salah satu tempat saya menyendiri kerana ketenangan tempatnya adalah Balai Seni Lukis Negara (BSLN) yang ketika itu di Hotel Majestic, Jalan Hishamuddin, Kuala Lumpur.

Letaknya di seberang jalan bertentangan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM). Hotel itu dijadikan BSLN pada Mei 1984 dan saya turut membuat liputan perasmian oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad.

Di BSLN saya berpeluang melihat dan mengamati karya-karya hebat oleh pelukis tersohor, antaranya Hoessien Anas yang digelar Pelukis DiRaja, Ibrahim Hussein, Latiff Mohidin dan banyak karya pelukis lain. Bukan mudah untuk melihat karya pelukis-pelukis ini kalau tidak ke Hotel Majestic.

Di Hotel Majestic, saya menikmati ruang bebas yang sementara daripada hiruk-pikuk dan deru kereta yang sangat melelahkan jiwa. Selalunya saya berlama-lama di hotel antik yang dibina tahun 1932 dan dikelilingi lukisan. Antara potret realism Hoessien Anas dan abstraknya lukisan Ibrahim Hussein, saya seperti berada di dunia lain.

Tempat lain yang selalu dikunjungi adalah Perpustakaan Negara di bangunan lot kedai di Jalan Raja Laut berdekatan Chow Kit dan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tidak lama selepas itu Perpustakaan Negara dipindahkan ke bangunan yang reka bentuknya bermotif sirih

junjung di lokasi sekarang di Jalan Tun Razak.

Selain Perpustakaan Negara, saya juga kerap berkunjung di Perpustakaan Kuala Lumpur di tepi Dataran Merdeka. Membuat penyelidikan dan rujukan ketika belum wujud gerbang internet adalah suatu yang sukar lagi menyeksakan.

Untuk mengisi tuntutan kerjaya dalam kewartawanan, membaca surat khabar sahaja belum cukup. Tetap memerlukan buku yang menyingskap bidang-bidang yang khusus sebagai pencerah.

Perpustakaan adalah satu-satunya pilihan mendapatkan buku-buku yang diperlukan. Ini yang membuatkan saya akrab dengan kedua-dua perpustakaan itu sejak mula bekerja di Kuala Lumpur. Banyak buku yang diperlukan boleh dibaca atau dipinjam dengan percuma.

Editor-editor saya di pejabat selalu berpesan bahawa wartawan mesti mempunyai pengetahuan yang lebih berbanding orang lain. Malah mengingatkan bahawa pembaca sudah banyak berubah dan lebih bermaklumat. Mereka kritikal pasal isu-isu tertentu. Zaman wartawan semua tahu tanpa membaca sudah lama berlalu.

Barangkali ada yang tertanya-tanya tempat saya melepak ketika sudah tidak bermajikan seperti dulu. Walaupun tidak bekerja di pejabat sejak 2016, tetapi tidak pernah berhenti menulis.

Bekerja sebagai freelancer kewartawanan membuatkan saya lebih banyak masa berada

“Di Hotel Majestic, saya menikmati ruang bebas yang sementara daripada hiruk pikuk dan deru kereta yang sangat melelahkan jiwa. Selalunya saya berlama-lama di hotel antik yang dibina tahun 1932 dan dikelilingi lukisan. Antara potret realism Hoessien Anas dan abstraknya lukisan Ibrahim Hussein, saya seperti berada di dunia lain.

di rumah. Dengan teknologi internet yang canggih banyak bidang pekerjaan boleh dilakukan secara di atas talian. Lebih-lebih lagi bidang penulisan yang boleh dilakukan di mana-mana dan bila-bila sahaja.

Walaupun banyak masa bekerja di rumah, saya tetap memerlukan waktu berada di luar bersama-sama komputer riba. Melepak sebenarnya istilah yang kurang tepat kerana berada di luar rumah juga sebenarnya terus kerja dan mengadap komputer.

Misalnya kolumn Catatan Dari Kota Batu ini, saya perlu menghantar tulisan kepada editor akhbar Wilayahku selewatnya pada Isnin untuk diterbitkan pada Jumaat. Ada beberapa lagi jadual penulisan yang berkala memerlukan saya bekerja dalam garis waktu tertentu.

Oleh yang demikian saya sangat menghargai teknologi yang menyumbangkan kemudahan untuk bekerja sebagai wartawan yang tidak bermajikan. Inilah sumbangan teknologi dalam budaya kerja yang baharu. Saya memanfaatkan sepenuhnya liberalisasi teknologi seperti ini dan ‘pejabat’ saya hanya berada dalam komputer riba.

Selepas hampir 40 tahun, saya terus akrab dengan perpustakaan. Walaupun banyak perkara yang boleh didapati di internet, tetapi buku tetap menjadi lubuk ilmu. Membaca buku fizikal

masih satu keutamaan dan kepuasan, khususnya generasi seperti saya. Selain membaca, perpustakaan juga tempat yang selesa untuk menulis.

Saya terus melepak di Perpustakaan Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara dan Pusat Dokumentasi Melayu DBP. Pusat dokumentasi ini adalah arkib dan perpustakaan yang boleh digunakan oleh orang ramai. Bergilir-gilir di tiga perpustakaan ini sebagai tempat membaca dan bekerja selain di rumah.

Sekali-sekala ada juga melepak sambil menulis di restoran mamak. Misalnya Restoran Yusoff Zakir di tepi Central Market. Di satu sudut yang tersorok saya menghabiskan masa berjam-jam untuk menulis. Selalunya kerana mengejar masa akhir (*deadline*) majalah dan akhbar.

Dengan adanya teknologi terkini, sambil melepak pun masih boleh bekerja. Sesetengah bidang kerja tidak lagi mengikat kita pada satu-satu tempat. Saya sangat meraikan keadaan ini kerana memberi ruang bekerja dengan lebih selesa di mana-mana. Saya terus melepak sambil bekerja.



KELUARGAKU MERDEKA

Belaian jemari tulus
Mengusapi lembut
Variasi wajah nan mulus
Menghuni lahan kudus.

Di sana bermula wacana
Memulih kesan angkara
Dengan tiga tonggak utama
Keterangkuman-kebersamaan-kesyukuran.

Aspirasi keluargaku
Bina budaya integriti
Amanah dan mesyuarat
Komunikasi berhemah
Teras Keluarga Malaysia.

Bebas jeda agama-budaya-bangsa
Erat membahu setiap ketika
Kalis negara ke mercu jumantara
Lembayung cita tuntas bahagia.

Aspirasi Malaysiaku
Merdeka bersatu
Gagasan hidup sempurna
Memacu kecemerlangan asa
Teguh bersama satu keluarga.

Nurimas SN
Kafe latte, Kemaskin

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Tempoh setahun ubah suai rumah wajar

INGIN mengubah suai rumah kediaman? Tahukah warga kota bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menetapkan aturan baharu berhubung tempoh masa melakukan sebarang kerja ubah suai atau *renovation* rumah?

Sebelum ini pemilik bangunan boleh melaksanakan kerja ubah suai menurut jangka masa sendiri setelah pelan pengubahan suai dikeluarkan oleh DBKL. Ertinya boleh ambil sebanyak mana masa yang diperlukan sehingga kerja ubah suai siap sepenuhnya.

Namun kini tidak lagi begitu. Memetik Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan DBKL, Norizan Sulaiman, bermula awal tahun ini, semua pelan pengubahan suai rumah yang diluluskan oleh DBKL hanya sah untuk tempoh setahun.

Dengan penguatkuasaan peraturan baharu ini, apa juga kerja ubah suai mesti disiapkan dalam tempoh tersebut. Jika masih belum siap perlu mendapat permit baharu untuk menyambung kerja.

Namun Adi difahamkan, itu bukan diberi secara automatik. Pemilik mesti memberi alasan munasabah kenapa kerja ubah suai siap menurut jadual. Jika DBKL mendapati alasan yang diberi boleh diterima, baharulah permit baharu dikeluarkan.

Pemberian permit sambungan ini juga hanya boleh diperbaharui sehingga tiga kali sahaja. Setiap permohonan permit baharu dikenakan bayaran RM100. Ertinya tempoh maksimum boleh diberi menyiapkan projek ialah tiga tahun seandainya sambungan masa dibenarkan.

Bagi Adi, peraturan baharu yang dikenakan oleh DBKL ini wajar sekali. Ia mengurangkan gangguan persekitaran atau kepada jiran sekeliling yang terkesan akibat kerja pembinaan untuk tempoh yang lama.

Kerja ubah suai rumah bukan sahaja menimbulkan pelbagai bunyi bising, tetapi juga pencemaran daripada bahan pembinaan seperti simen, pasir dan sebagainya. Jika masa pembinaan terlalu lama, maka semakin lama rasa tidak puas hati ditanggung oleh jiran sekeliling.

Menurut DBKL, jumlah aduan berhubung bunyi bising akibat kerja ubah suai makin bertambah. Memanglah ini sangat tidak adil kepada jiran tetangga yang saban hari berhadapan pencemaran bunyi dan habuk ketika proses ubah suai berjalan.

Malah sebenarnya ini pun boleh mendatangkan risiko kecederaan kepada orang sekeliling, juga kerosakan kepada kediaman mereka. Tiada siapa tahu bila besi atau batu bata



KERJA ubah suai rumah bukan sahaja menimbulkan pelbagai bunyi bising, tetapi juga pencemaran daripada bahan pembinaan seperti simen, pasir dan sebagainya.

terpelanting mengenai mereka yang lalu lalang atau berada di kawasan tersebut.

Benar penghuni boleh mengadu kepada DBKL atau mengemukakan saman jika sesuatu tidak diingin terjadi, namun adalah lebih baik mencegah daripada mengubati.

Peraturan baharu ini juga boleh membantu mengatasi masalah ubah suai yang terbengkalai. Ada pemilik membiarkan kerja pembinaan terhenti atas sebab tertentu kerana menyedari mereka ada jangka waktu yang tidak terbatas menyiapkannya.

Dengan peraturan hanya setahun masa diberi, ruang untuk membiarkan pembinaan terbengkalai semakin sempit. Mereka perlu menyiapkan juga kerja dalam setahun. Jika terus terbengkalai sekian lama, pihak DBKL boleh mengambil tindakan sewajarnya.

Peraturan baharu ini akan menjadikan pemilik rumah lebih bertanggungjawab kerana perlu mengejar rangka waktu yang

ditetapkan untuk menyiapkan kerja dan tidak berlarutan menyusahkan jiran sekeliling. Adi berharap DBKL akan sentiasa memantau dan memastikan peraturan ini dipatuhi.

Adi—Sudah ubah suai

APABILA KENDERAAN DIPARKIR DI JALAN

TANAH yang semakin berkurangan di Kuala Lumpur menyaksikan pembinaan rumah kini lebih bertumpu kepada apartmen atau kondominium. Dengan kawasan yang terhad, ratusan unit kondo boleh dibina, berbanding dengan rumah atas tanah.

Justeru dapat disaksikan pembinaan rancak kondo dan apartmen di merata pelusuk ibu kota, kebanyakannya berharga tinggi. Ada yang mencecah sehingga melebihi setengah juta. Tentunya hanya golongan berpendapatan tinggi yang berkemampuan membeli.

Kadangkala apabila

“ Bagi Adi, peraturan baharu yang dikenakan oleh DBKL ini wajar sekali. Ia mengurangkan gangguan persekitaran atau kepada jiran sekeliling yang terkesan akibat kerja pembinaan untuk tempoh yang lama.

menyaksikan begitu banyak kondo baharu dibangunkan, seolah-olah sukar mempercayai ada sahaja yang membeli sehingga ditempa habis, walaupun harganya tinggi.

Namun apa yang ingin Adi tekankan ialah pembinaan kondo ini juga secara secara tidak langsung mendatangkan masalah kepada orang ramai. Ini kerana limpahan kenderaan daripada kondo ini sehingga ke jalan raya yang menjadi laluan orang ramai. Akibatnya ia menyebabkan kesesakan lalu lintas.

Adi menyaksikan sendiri di beberapa tempat di ibu kota, kenderaan diparkir di tepi-tepi jalan utama sehingga menghalang atau mengecilkan laluan. Jalan tiga lorong misalnya menjadi dua lorong. Tentu sahaja ini menyebabkan kesesakan terutama pada waktu puncak.

Keadaan ini berlaku kerana biasanya penghuni kondo masing-masing hanya disediakan maksimum dua unit tempat letak kereta percuma. Jika dalam satu keluarga ada lebih dua daripada kenderaan, masalah mula timbul.

Justeru cara mudah ialah meletakkan kenderaan di atas jalan berhampiran bangunan kondo sehingga berbaris panjang. Malah kawasan jalan itu seolah-olah menjadi kawasan parkir tetap bagi penghuni, pagi petang siang malam. Masalah dihadapi oleh pengguna jalan raya tidak diambil kira.

Memang Adi faham apabila ruang parkir disediakan terhad, mereka yang mempunyai banyak kenderaan akan terpaksa meletakkan di kawasan mana yang sempat. Tetapi ini tentulah tidak adil bagi pengguna jalan yang lain.

Barangkali pada masa hadapan bagi pembinaan kondo baharu, pihak pemaju perlu menyediakan lebih ruang parkir, mengandungi ruang parkir percuma dan parkir berbayar untuk yang memerlukan ruang parkir lebih.

Pada masa sama, penghuni harus faham jika ruangan parkir terhad, janganlah membawa lebih kenderaan. Masalah parkir adalah masalah peribadi, tidak harus dijadikan masalah orang ramai pula.

Pemaju juga boleh membina kawasan parkir tambahan bertingkat, seperti yang dibina oleh pihak DBKL di kawasan Projek Perumahan

Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA). Ini akan membantu mengurangkan mengatasi masalah parkir untuk penghuni.

Sehingga kini yang Adi perhatikan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih berlembut dengan tidak mengambil tindakan terhadap kenderaan diparkir di jalan berhampiran kawasan kondo. Pihak DBKL sebenarnya boleh mengeluarkan saman, malah menunda kenderaan yang menghalang lalu lintas.

Namun, janganlah kelembutan DBKL ini diambil kesempatan oleh penghuni kondo untuk terus menerus menjadikan jalan sebagai kawasan parkir tetap. Adi bimbang lama-kelamaan ia akan menjadi ikutan dan lebih banyak kenderaan diparkir di jalan. Maka bertambah seriuslah masalah kesesakan lalu lintas.

Justeru Adi rasa wajar juga pihak DBKL memantau situasi yang wujud sekarang dan mengambil tindakan berkala sebagai peringatan kepada pemilik kenderaan agar mencari tempat lain yang lebih sesuai untuk meletak kenderaan mereka.

Mereka mesti sentiasa diberi peringatan apa yang mereka lakukan adalah salah. Semoga apa juga tindakan yang diambil akan memberi kesedaran kepada mereka untuk lebih bertanggungjawab.

Adi—Hanya ada satu kereta

Adi Taib

SAJAK

OGOS DALAM KESIMPULAN

Sekuntum bunga waktu merahnya menghibarkan akal sebuah kolam putih yang setia ditelannya abjad dan angka.

Berdiri sekeping matahari tiang tiang ada bayang yang berduri suara suara yang berkibar menghirup lagu tanah air.

Nafas masih berpesta diitungnya segala lupa bijaksana cedera menangislah, bendera.

Warna-warna tua menjadi rumusan ditakdirkan kesilapan memusuhi sempadan.

Pertemuan ini, dari sebuah perjalanan siang mencari malam.

Solihin Osman
Dangau Seni, Kangar.

SKETSA



Selesai pembiayaan skim perumahan SPWP

YWP bantu ibu tunggal empat anak

HAZIRAH HALIM

IBU tunggal empat anak, Nor Haslin Sapardin sebak serta melahirkan rasa syukur menerima bantuan penyelesaian hutang rumah dari Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) baru-baru ini.

Dia yang hilang punca pendapatan setelah kematian suami pada 6 Jun 2021 akibat wabak COVID-19, tidak menyangka dibantu menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya tunggakan rumah yang dibeli.

"Saya tidak menyangka panggilan telefon daripada pihak YWP menerusi Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) dapat menghilangkan beban yang dipikul."

"Terima Kasih YWP. Saya harap lebih ramai lagi warga Wilayah Persekutuan yang senasib dibantu," katanya yang menyara kehidupan keluarga dengan mengambil tempahan kuih-muih sejuk beku (*frozen*) daripada orang ramai dan memprosesnya di rumah.

Tambahnya lagi, pekerjaan



NOR HASLIN (kanan) menerima cek bernilai RM1,500 daripada Ahmad Hethir.

tersebut telah lama dilakukan ketika suaminya masih hidup.

"Dengan duit tempahan makanan dan kuih-muih yang diterima dari surau dan masjid, dapatlah kami menampung kehidupan," kongsi balu kepada bekas Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ini.

Sementara itu, menurut

Pengurus SPWP, Ahmad Hethir Hashim, pihak YWP telah menghulurkan bantuan kewangan kepada Nor Haslin bagi menyelesaikan baki pinjaman perumahan bersama SPWP.

"Rumah yang diduduki mereka atas nama arwah suaminya dan kita dapat bawaha terdapat tunggakan

biayaan insurans bernilai kurang daripada RM4,500. Baru-baru ini dia memberitahu pihak SPWP hanya mampu membayar sebanyak RM3,000 sahaja.

"Jadi, baki tunggakan yang belum selesai adalah bernilai RM1,500. Jadi, kami telah bersetuju untuk memberikan nilai tersebut di atas beberapa faktor yang telah dikenal pasti," ujarnya.

Katanya lagi, antara kriteria yang membolehkan Nor Haslin dibantu adalah kerana arwah suaminya mempunyai rekod baik di SPWP selain merupakan bekas pengurus Persatuan Penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pekan Batu.

"Di peringkat SPWP, kita lebih fokus dengan melihat kesesuaian tertentu yang patut dibantu seperti Nor Haslin yang mana pendapatannya telah terjejas sejak suaminya bertarung nyawa dengan COVID-19," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Hethir berharap agar bantuan tersebut dapat memberikan kehidupan baharu yang lebih bermakna buat

Info

ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

Nor Haslin sekeluarga selain mempunyai tempat berlindung.

SPWP merupakan anak syarikat milik penuh YWP yang menguruskan Skim Pembiayaan Khas Penjualan Rumah PPR MTEN dan Perumahan Awam (PA) DBKL dengan tujuan membantu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). WK

Golongan B40 mampu miliki rumah di Kuala Lumpur

DEEL ANJER

HARGA mahal dan semakin meningkat dari setahun ke setahun menjadi punca golongan B40 di Kuala Lumpur tidak mampu membeli atau memiliki rumah sendiri.



AHMAD HETHIR

Situasi ini sudah tentu menyukarkan individu terutama bagi mereka yang sudah berkeluarga untuk memiliki kediaman sendiri.

Sentiasa peka dengan nasib rakyat, Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) yang merupakan anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan, memberi peluang kepada golongan B40 untuk memiliki rumah sendiri di Kuala Lumpur.

Pengurus SPWP, Ahmad Hethir Hashim, 46, mengalu-alukan penghuni Projek Perumahan

Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) untuk memiliki rumah sendiri setelah mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Antara peranan SPWP berperanan sebagai pengurus kewangan untuk menguruskan rumah PPR dan PA di mana melibatkan kerjasama dengan kerajaan dan DBKL.

"Kami memberi pinjaman kepada rakyat yang kurang mampu iaitu golongan B40. Dalam masa yang sama, mereka juga tak mampu untuk memenuhi kriteria yang diperlukan pihak bank.

"Pendek kata, SPWP masih memberi peluang dan membantu mereka untuk memiliki harta di pusat bandar yang mana kita semua tahu nilai hartanah di Kuala Lumpur sangat tinggi," katanya.



BERSAMA Pengurus Kanan Komunikasi Korporat dan Pengurusan Maklumat YWP, Datin Ida Harlina Ikhwan Nasir (dua kiri) ketika Karnival Semarak Uniti Merdeka di Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hethir berkata tawaran pinjaman ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.

"Program ini ditawarkan kepada mereka yang pada mulanya

menyewa dengan DBKL. Kemudian DBKL menawarkan kepada penyewa yang memenuhi syarat yang ditetapkan untuk membeli rumah itu," ujarnya. WK

Baju T Merdeka eksklusif menanti pengunjung

DIANA AMIR

SEMPENA Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia, Kumpulan Syarikat Suria KLCC mengeluarkan baju T Merdeka edisi terhad bersama jahitan poket bercorak batik.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, Andrew Brian, Suria KLCC sekali lagi menjayakan kempen dengan kerjasama Komuniti Tukang Jahit (KTJ) berikutan kejayaan kolaborasi bersama pada tahun 2020.

"Kerjasama tanggungjawab sosial korporat bersama KTJ akan terus

menjadi aspirasi bermakna. Selain dari memperhalusi elemen batik yang sinonim dengan kebanggaan dan identiti rakyat Malaysia, kami juga berpeluang untuk terus memberi komitmen yang menyumbang impak positif terhadap alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya rekaan baju T tersebut adalah lain daripada lain dan pengunjung yang berbelanja RM500 berpeluang memiliki.

"Rekaan baju T Merdeka dihasilkan menggunakan lebihan fabrik batik. Lebih istimewa, ia boleh ditebus oleh

pembeli yang berbelanja RM500 dalam dua resit di mana-mana kedai terpilih.

"Manakala pembeli yang berbelanja RM1,500 dalam dua resit di mana-mana kedai terpilih juga akan menerima baucar beli-belah Alamanda bernilai RM50 yang terhad kepada 300 pembeli pertama sahaja," ujar beliau.

Kata beliau lagi, untuk kekal komited dalam pengibaran Jalur Gemilang, sebanyak 1,000 pengunjung pada Hari Merdeka dan Hari Malaysia bakal menerima Jalur Gemilang istimewa. WK



BAJU T Merdeka edisi terhad serta baucar beli-belah Alamanda.

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

Ria Kufa

2 - 8 SEPTEMBER 2022 . Bil 180

Wilayah Ku

Hampanan bunga terbesar di RFP 2022

SETELAH dua tahun sepi dari sebarang festival besar-besaran akibat pandemik COVID-19, kini acara tahunan yang ditunggu-tunggu, Floria Diraja Putrajaya 2022 atau Royal Floria Putrajaya (RFP) 2022, kini kembali bermula 29 Ogos hingga 4

September 2022. Bertempat di Anjung Floria di Presint 4, lokasi ini sekali lagi ditransformasikan menjadi hampanan bunga terbesar sepanjang tujuh hari pengajuran festival yang bertemakan Floria Hebat atau 'Awesome Floria' dengan orkid

sebagai bunga tema. Pada edisi pengajuran ke-12 ini, ia menghimpunkan lebih-kurang 10,000 pokok orkid yang dipamerkan dengan lebih daripada 400,000 pokok daripada pelbagai spesis dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan.

Keindahannya seumpama suatu hampanan bunga-bunga yang berwarna-warni dan tambah menarik ia diterjemahkan dalam suasana landskap dan taman.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



Festival bunga & taman serikan Putrajaya



DIANA AMIR

DARI MUKA 9

DIANJURKAN oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan Kementerian Wilayah, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta Tourism Malaysia, festival ini turut mengambil kira Sambutan Jubli Perak Putrajaya yang ke-25 tahun serta Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia ke-65.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, festival bunga dan taman itu menjanjikan pengalaman

berbeza buat pengunjung dengan beberapa kelainan telah dilakukan untuk tampil lebih menarik.

Pengunjung berpeluang merasai dua pengalaman berbeza di mana mereka boleh melihat kecantikan bunga pada waktu siang dan di sebelah malam kecantikan bunga dihiasi dengan limpahan lampu warna-warni.

“Beberapa laluan dan tapak di Anjung Floria dihujani limpahan cahaya berwarna-warni selama tujuh hari menerusi ‘Gemeralpan Floria’. Selain memperkenalkan inovasi teknologi kesenian pencahayaan kreatif pada flora dan fauna, RFP 2022 juga menjadi platform kepada pengunjung menikmati keindahan persekitaran pada waktu malam.

“Ia dilimpahi dengan pancaran dan kesan Cahaya lampu khas di setiap laluan utama dan kawasan utama sekitar tapak festival seperti Floral SkyWalk (Floria Gemilang), Terowong Oncidium dan Laluan Dendrobium,” ujarnya tarikan baharu ini menjadi tumpuan pempengaruh media sosial serta mereka yang suka mengambil gambar.

Antara tarikan lain di Floria Diraja adalah taman-taman agensi kerajaan dan korporat, pertandingan orkid, pameran perekra tempatan selain penyertaan



FADLUN

antarabangsa dari lapan buah negara iaitu China, Indonesia, Jerman, Korea, New Zealand, Singapura, Taiwan dan Thailand.

Pelbagai aktiviti harian turut diadakan antaranya demonstrasi gubahan bunga, bengkel terrarium, bengkel ukiran bunga dan daun, acara hiburan, beberapa sesi bual bicara gubahan orkid, bunga dan reka bentuk taman.

Selain itu, Fadlun berkata pengisian kali ini bukan sahaja tertumpu pada pameran bunga namun ia termasuk jualan produk dari kebun-kebun komuniti yang terdapat di sekitar Putrajaya.

“Ia merupakan salah satu inisiatif PPj untuk mendekati komuniti Putrajaya kerana kita tahu mereka mempunyai kebun komuniti serta produk tersendiri.

Jadi, pengajuran kali ini kita menjemput kebun-kebun komuniti di sekitar Putrajaya termasuk Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana bagi memberi ruang mereka memperkenalkan serta menjual produk yang dihasilkan.

Mengulas tentang kos keseluruhan pengajuran RFP 2022, Fadlun berkata sebanyak RM3 juta kos dikeluarkan namun ia jauh lebih jimat berbanding tahun sebelumnya memandangkan tempoh pameran dipendekkan menjadi tujuh hari berbanding 10 hari sebelum ini. **wk**



PELBAGAI spesies bunga berwarna-warni boleh disaksikan di Royal Floria Putrajaya 2022.

Karpet merah sambut tetamu

PELBAGAI komponen baru berjaya menarik perhatian pengunjung yang hadir sepanjang acara Floria Diraja Putrajaya 2022 (RFP 2022) yang sedang berlangsung sepanjang tujuh hari sehingga 4 September 2022 ini.

Antaranya adalah *Floral Skywalk* (*Floria Gemilang*) yang mengandungi empat komponen yang terdiri daripada kain rentang, karpet merah, dinding mural dan susunan bunga-bunga yang indah.

Menurut Pengarah Perancangan Dan Pembangunan Taman, Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya, LAr. Haslinda Khalid, *Floral Skywalk* menjadi tumpuan

utama memandangkan ia terletak di laluan masuk ke RFP 2022.

“Memandangkan kita juga berada dalam Bulan Kemerdekaan yang mana pada malam Rabu lalu, Sambutan Ambang Merdeka turut diadakan di sini maka kain rentang yang dihiasi bertemakan empat warna Jalur Gemilang.

“Kain rentang sepanjang 110 meter dan setinggi 10 meter sebagai simboliknya semangat patriotik sempena Sambutan Kemerdekaan kali yang ke-65



HASLINDA

pada tahun ini. *Floral Skywalk* ini merupakan sambutan hebat pada siang hari dan menghasilkan suasana menakjubkan dengan limpahan pencahayaan pada waktu malam,” ujarnya.

Kata Haslinda lagi, karpet merah turut dijadikan laluan menyambut ketibaan pengunjung ke festival bunga dan taman yang memiliki daya tarikan hebat tersendiri.

“Terdapat juga lapan dinding mural yang mempamerkan konsep bercirikan 3D, Flora dan Fauna, Keluarga Malaysia dan Petugas



KARPET merah menyambut kedatangan pengunjung.

Barisan Hadapan di sebelah kanan dan kiri laluan tersebut.

“Selain itu, susunan bunga-bunga yang berwarna-warni di sebelah kiri dan kanan sepanjang laluan utama sebagai menyambut pengunjung. Tidak ketinggalan juga bunga raya yang merupakan bunga kebangsaan turut

dihimpunkan di laluan masuk tapak pameran.

“Laluan utama ini turut dihiasi dengan kesan pencahayaan khas pada waktu malam dan menjadi tarikan utama untuk pengunjung berkumpul dan bergambar bersama ketika tiba di tapak RFP 2022,” katanya. WK



PANORAMA malam yang turut mempesonakan pengunjung.



REAKSI

“PENGALAMAN pertama kali datang ke sini sangat menarik. Berbaloi dengan harga yang dibayar kerana selain himpunan bunga, pengunjung juga berpeluang melihat landskap yang cantik selain pemandangan tasik yang luas terbentang.”

Ateeqah Mohd Johar, 24
Pekerja Swasta

“SAYA datang dari Perak dan ini merupakan kali pertama pergi ke festival bunga. Saya sangat teruja dengan pelbagai jenis tumbuhan dan bunga-bunga tambah pula saya juga penggemar bunga jadi tempat ini ibarat ‘syurga’ buat saya.”

Norsiah Alang Ibrahim, 76
Pesara

“PADA waktu malam pemandangannya menakjubkan berbanding

sebelah siang yang agak panas. Bagi mereka yang suka mengambil gambar, Royal Floria Putrajaya mempunyai banyak port cantik sesuai untuk *Instagrammable*.

Ateefa Johar, 28
Pekerja Swasta

“HARGA yang dikenakan berbaloi jika dibandingkan festival seperti ini yang diadakan di luar negara.”

Saya serta isteri memang

pengunjung tetap Floria Diraja Putrajaya tambahan pula kami mempunyai nursery sendiri.

Alhamdulillah kali ini kami berpeluang datang pada hari pertama festival dan bunga-bunga masih segar dan cantik.”

Naser Husin, 58
Pesara



AKTIVITI dan persembahan harian turut diadakan.



ATEEQAH



NORSIAH




ATEEFA



NASER







Dibela VIP lelaki? Ini jawab Nazim Othman



DEEL ANJER

ASAL nampak mewah, ada saja yang tidak kena di mata orang lain. Begitulah situasi yang dihadapi oleh pelakon popular **Nazim Othman** atau nama sebenarnya Nushrul Alif Othman, 38.

Gara-gara melancong ke destinasi percutian mewah di luar negara dan sering menggayakan barang jenama antarabangsa, Nazim didakwa kononnya 'dibela' oleh individu bertaraf VIP.

"Isu ni bukan perkara baharu. Sekian lama orang bercakap tentang ni sampailah sekarang.

"Benda tu semua tak betul. Saya tak terkejut pun dengar khabar angin ni. Dah lama sangat, kira-kira enam atau tujuh tahun dulu dah dengar," katanya yang tidak terkesan dengan dakwaan tersebut.

Pelakon drama bersiri *Takdir Yang Tertulis* itu juga menjelaskan kerjayaanya bukan sahaja sebagai pelakon.

Malah, Nazim sering mewakili jenama-jenama



tertentu yang bekerjasama dengannya dan bukan 'dibela' seperti yang didakwa sesetengah pihak.

"Tiada istilah dibela. Kalau ada pun, saya yang bela diri sendiri."

"Kalau nampak saya hidup mewah, itu adalah positioning. Nazim Othman bukan hanya pelakon, tetapi satu jenama."

"Saya pergi ke tempat mewah, semua itu urusan kerja bersama syarikat-syarikat yang menjalin kerjasama dengan saya," ujarnya.

Dalam pada itu, ramai juga netizen berbangga dengan pencapaian Nazim dalam kerjaya dan menjadi inspirasi anak-anak muda.

NAZIM OTHMAN




Kisah adat Pepati dalam Teater Tanjong

DEMI menerapkan lagi semangat patriotik dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja, Kelab Teater ASAR Negeri Sembilan bakal mementaskan teater Tanjong di Istana Budaya, Kuala Lumpur pada 9 hingga 11 September ini.

Teater Tanjong bakal dibintangi oleh pelakon hebat seperti Datuk Jalaluddin Hassan sebagai Datuk Perdana Andika. Tanjong turut menampilkan Kartunis Ujang dan penyanyi rakyat Negeri Sembilan Ulong Bakar.

Tanjong adalah naskhah sulung arahan Prof Dr Ahmad Rashidi Hasan.

Pementasan Tanjong ini bakal menceritakan mengenai



terpaksa berlayar ke Tanah Minangkabau untuk memohon perlindungan daripada Pagaruyung.

Sementara ketiadaannya, Tok Nagho telah melantik anaknya Baroq untuk memegang tampuk sebagai penghulu dan meminta Anjang, rakan karib Baroq dan bakal menantunya, untuk menjaga per iku ketika bersama dengan anak perempuannya, Tanjong.

Pementasan Teater Tanjong ini mendapat sokongan penuh daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Tiket teater juga boleh di dapat terus melalui laman sesawang <https://lassotickets.com/event/tanjong/>.

Elizabeth Tan lebam kerana Abang Long Fadil 3

"WALAUPUN saya mengalami lebam yang teruk sepanjang menjalani penggambaran filem ini, tapi tak pernah terdetik rasa putus asa sebaliknya saya sangat 'enjoy' dengan setiap aksi yang saya lakukan," akui penyanyi dan pelakon **Elizabeth Tan** yang seronok sepanjang tempoh penggambaran filem Abang Long Fadil 3.

Bukan itu sahaja, malah penyanyi yang lebih mesra dipanggil Lizzy ini berharap dapat bekerjasama lagi dengan pengarah filem itu iaitu Syafiq Yusof.

"Saya ada bercakap dengan pengarah, Syafiq Yusof untuk hasilkan filem Abang Long Fadil 4 pula selepas ini. Harap impian saya itu dimakbulkan."

"Saya juga berharap filem ini dapat beri saya lebih banyak peluang untuk melakonkan watak aksi sebab mungkin sebelum ini ramai yang tak tahu saya memang minat watak yang membabitkan aksi pertarungan."

"Saya juga bersedia untuk memasuki sebarang latihan intensif kerana saya memang nak belajar cara berlakon dalam filem aksi," ujarnya lagi.

Selain Lizzy, Abang Long Fadil 3 menampilkan barisan pelakon hebat iaitu Zizan Razak, Johan, Maya Karin, Datuk AC Mizal, Shuib, Kazar, Ozlyn Wati, Tania Hudson, Jay Iswazir Joey Daud, Daniella Sha, Khir Rahman dan Siraj.

Filem terbitan Skop Productions dan

Astro Shaw ini menjanjikan lebih padat aksi memukau, komedi pecah perut, barisan pelakon terkenal serta kualiti produksi yang boleh dibanggakan.

Filem Abang Long Fadil 3 akan mengadakan sesi jelajah yang turut dimeriahkan dengan kehadiran barisan pelakon pada 9 hingga 11 September di bahagian Selatan dan 16-18 September di sebelah Utara.



ELIZABETH TAN

Ramai puji rakaman Fintech di studio Wilayahku



PROSES rakaman salah satu episod rancangan Fintech.

SEHEBAT mana pun sesebuah konten sesuatu program, maklumat yang ingin disampaikan agak terbatas jika kualiti rakaman di studio tidak dititikberatkan.

Untuk itu, dalam usaha memastikan kualiti program mencapai piawaian, studio yang lengkap dan lebih fleksibel amat diperlukan.

Begitulah ciri-ciri yang ada pada studio *Wilayahku* yang terletak di Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Buktinya, rancangan bicarawara, Fintech (siaran di RTM) yang membincangkan soal penggunaan *financial technology* turut mendapat pujian ramai netizen.

"Cantiknya set studio. Sesuai dengan program Fintech ni. Seronok tengok."

"Aku jarang buka program macam ni, tapi set

studio dia power! Tak boring."

"Content program ni bagus. Banyak info. Tempat rakaman dia pun ada style."

Itulah antara komen netizen dalam media sosial yang berpuas hati dengan rakaman rancangan Fintech arahan Q Ramlee dan diterbitkan oleh Broad Vision Solutions Sdn Bhd.

Selain studio utama, *Wilayahku* juga mempunyai kelengkapan serta kemudahan lain seperti *green screen*, set lokasi warung, kelas, pejabat serta banyak lagi.

Kemudahan ini turut digunakan untuk sitkom KITKA terbitan RTM dan beberapa stesen televisyen swasta.

Sebarang tempahan atau pertanyaan boleh hubungi di talian **03-8861 5260** atau e-mel ke wilayahku@yayasanwp.org.my. **WK**



Latihan pertahanan awam bentuk jati diri rakyat Malaysia

ANGKATAN Pertahanan Awam Malaysia atau APM telah wujud sebelum kemerdekaan lagi iaitu tahun 1938 yang dikenali sebagai Passive Defence. Pada tahun 1952, APM telah ditubuhkan secara rasmi dengan Akta Pertahanan Awam 1951 (Akta 221) sebagai punca kuasa dan rujukan rasmi pada ketika itu.

Hari ini, APM yang merupakan agensi yang dipertanggungjawabkan sebagai Sekretariat Jawatankuasa

Pengurusan Bencana di peringkat negeri, daerah dan komuniti, APM juga berperanan memberi latihan kesiapsiagaan awam kepada masyarakat di negara ini.

Pelbagai pendekatan yang digunakan oleh APM antaranya penubuhan Civil Defence Emergency Response Team (CDERT) di pelbagai peringkat di agensi kerajaan, swasta dan juga badan bukan kerajaan (NGO). CDERT turut ditubuhkan di peringkat komuniti seperti di kampung, taman perumahan dan

sebagainya.

Selain itu, penubuhan Kor Kadet Pertahanan Awam di sekolah rendah, menengah, Institut Kemahiran, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) adalah bagi memastikan jati diri bermula daripada peringkat kanak-kanak lagi.

Latihan pertahanan awam menerapkan semangat kerja berpasukan, saling membantu. Melalui latihan seperti kawad kaki ia mendidik peserta melakukan pergerakan yang sama dalam satu pasukan dengan satu arahan.

Ilmu-ilmu seperti asas pengurusan bencana, pertolongan cemas, asas menyelamat dan memadam kebakaran akan membentuk sifat saling membantu apabila berlaku kecemasan mahupun bencana.

Kepelbagaian bangsa seperti Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan dalam kalangan pegawai dan anggota APM yang bertugas menjadikan APM bertepatan dengan konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-9 sekaligus menjadikan

APM sebagai platform terbaik untuk disertai oleh rakyat Malaysia bagi berbakti kepada agama, bangsa dan negara tercinta.

Sebagai kesimpulannya, sempena menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-65, nilai jati diri sebagai seorang warganegara Malaysia haruslah dikekalkan bagi memastikan negara ini terus aman, harmoni dan sejahtera. Usaha dan pengorbanan pemimpin terdahulu haruslah disanjungi dan diingati selagi mana kita berpijak di Bumi Malaysia Tercinta. **WK**



Food Hunting bersama Syafie Naswip, 'Syurga Kulinari Malaysia' program terbaru RTM



HAZIRAH HALIM

RADIO Televisyen Malaysia (RTM) mengajak penonton salurannya menjelajah ke lokasi makan menarik dan viral seluruh negeri di Semenanjung Malaysia dalam program terbaru bertajuk 'Syurga Kulinari Malaysia' bersama pelakon terkenal, Syafie Naswip sebagai hos program.

Program travelog sebanyak 13 episod ini bersiaran pada setiap Jumaat pukul 11 pagi menerusi saluran TV Okey (Astro 146/ Myfreeview 110) di mana ia adalah rancangan yang memperkenalkan satu per satu 'Restoran Yang Mesti



Dikunjungi di seluruh negeri di Malaysia.

Dalam setiap episod program ini, Syafie Naswip akan membawa penonton berkunjung ke tempat makan yang telah dipilih bagi memberikan idea kepada mereka untuk mencuba keunikan dan kelazatan makanan sekiranya berkunjung ke setiap tempat di dalam negeri yang dipaparkan.

Pastinya, perkongsian info yang diberikan amat bermanfaat buat orang ramai yang mencari tempat lokasi makan menarik, viral, unik dan paling penting sedap rasanya terutama sekali ketika sedang bercuti atau bersiar-siar di hujung minggu.

Selain itu, ia juga boleh menjadi idea dan pilihan kepada mereka yang merupakan 'food hunter' untuk menyenaraikan restoran tersebut



dalam senarai tempat makan yang boleh dikunjungi.

Menariknya, ia bukan sahaja memaparkan pelbagai jenis makanan tetapi hos juga akan belajar cara memasak resipi istimewa dengan melihat demo masakan yang dilakukan oleh tukang masak

serta dibawa ke rumah atau dapur restoran untuk melihat proses sesuatu masakan dihasilkan.

Antara lokasi menarik yang dikunjungi termasuklah menikmati hidangan lazat di Restoran Pakcik Wong yang menghidangkan makanan Cina Muslim, Restoran

Anjung Keli dan Warung Sungai Tapah, Perak.

Di samping menikmati hidangan lazat, pengunjung juga berpeluang mengunjungi restoran yang menyajikan dim sum halal selain budaya dim sum sebenar iaitu Restoran Canning Dim Sum, Ipoh, Perak yang merupakan destinasi kedai pilihan untuk bersarapan bersama rakan-rakan dan keluarga tersayang.

Jelaslah, negara kita Malaysia sememangnya merupakan syurga makanan buat pencinta makanan atau food lover. Jadi, jangan lepaskan peluang untuk mengikuti program terbaru terbitan RTM kerana terdapat pelbagai perkongsian menarik di dalam program ini sepanjang bersiaran.

Bagi mereka yang tidak sempat untuk menonton di televisyen, anda berpeluang menontonnya menerusi portal online, RTM Klik (rtmklik.rtm.gov.my) dan rtm mobile serta muat turun aplikasinya di Google Play dan App Store. **w.k**


Semarak Hari Kebangsaan Keluarga Malaysia bersama siaran RTM, TV2

SEMARAKKAN Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 Malaysia dengan pelbagai program-program terbaik di saluran Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerusi slot tayangan menarik di TV2 sehingga 4 September ini.

Sembilan buah program meliputi pelbagai bidang daripada politik, pendidikan, isu, wanita dan wira yang berbakti tanpa mengharapkan balasan serta tidak meminta usaha mereka didendangkan oleh masyarakat menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan seluruh Keluarga Malaysia.

Disiarkan sepanjang seminggu berturut-turut mulai 29 Ogos lalu, ikuti tayangan filem-filem dari dalam dan luar negara antaranya Angrezi Medium pada 29 Ogos, pukul 9 malam; Leftenan Adnan pada 31 Ogos pukul 9 malam; House of Flying Daggers pada 1 September, pukul 9 malam serta filem Ghost of War yang akan ditayangkan 2 September ini pada pukul 9 malam; Man of Men pada 3 September pukul 10.30 malam dan Athithi pada 4 September, pukul 9 malam.

Nantikan juga kisah-kisah perjuangan dalam telemovie pilihan iaitu Perjalanan Pulang Saat (30 Ogos, 9 malam), dan Anugerah (31 Ogos, 3 petang) serta tidak ketinggalan juga drama bersiri khas merdeka iaitu Tok Guru yang ditayangkan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat pukul 1.30 tengah hari bermula 31 Ogos lalu.



Filem: **Ghost of War**
Pelakon: **Brenton Thwaites, Kyle Gallner, Alan Ritchson dan Theo Rossi.**

LIMA askar Amerika yang sedang berperang ditugaskan untuk menawan Chateau Perancis menjelang akhir Perang Dunia kedua (2). Walau bagaimanapun, mereka menghadapi musuh ghaib yang jauh lebih menakutkan daripada apa-apa yang dilihat di medan perang.

Filem: **Athithi**
Pelakon: **Nandha, Ananya, Thambi Ramaiah dan Nikesh Ram.**

FILEM aksi tentang sepasang suami isteri yang bahagia, terjerumus ke dalam perangkap yang mengubah kehidupan mereka selamanya.

Telemovie: **Perjalanan Pulang Saat**
Pelakon: **Fezrul Khan, Sara Ali, Hairy Safwan, Fadhliz Masoot, Lim Hui Hong, Danish Kumar, Azwan Kombos dan Putri Hanan.**

SAAT ingin pulang ke kampungnya di Beranang untuk

berkahwin. Tetapi dia diserang sekumpulan komunis yang ingin menculik dia bersama rakannya. Tanpa dia sedari, di kampungnya, Halimah bakal isteri Saat, berdepan dengan adiknya, Leku yang berdegil mahu berkawan dengan Man. Kesimpulannya, siapakah Man? Dapatkan Saat pulang ke kampung dan berkahwin dengan Halimah?

Telemovie: **Anugerah**
Pelakon: **Zaidi Omar, Mubarok Majid, Kapten Md Nor Bond (B) (Sjn Deris MP) dan Mawar Rashid.**

SAMAD merupakan seorang bekas tentera yang bekerja sebagai pengawal. Sempena Hari Malaysia, Samad dan rakan-rakan veterannya telah dijemput ke satu majlis penganugerahan pingat untuk menghargai perjuangan mereka. Walau bagaimanapun, hasratnya untuk menghadiri majlis penyerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) tersebut tidak kesampaian apabila dia ditembak oleh perompak ketika bertugas menggantikan Muniandy yang berada di hospital kerana isterinya hendak bersalin.

Drama Bersiri: **Tok Guru**
Pelakon: **Nasir Bilal Khan, Wafarina Roslan, Lan Siro, Kamarool Yusoff, Z.Zamree, Saiful Wazlan, dan Johan Asaari.**



Jihad memerangi COVID-19 merdekakan negara

DR AIZAN BT ALI@
MAT ZIN

UMUM sering mendengar ungkapan jihad dan selalunya dikaitkan dengan perperangan. Namun satu-satunya kalimah yang sering mendapat persepsi negatif daripada sesetengah pihak terhadap Islam adalah jihad. Malah perkataan jihad menyumbang kepada salah faham Barat terhadap Islam dan telah mencetuskan fenomena Islamofobia.

Jihad berasal dari kata kerja 'jahada' dalam bahasa Arab dan ia merupakan kata nama terbitan. Dari sudut bahasa, perkataan ini bermaksud usaha bersungguh-sungguh dari segi perkataan dan perbuatan. Manakala maksud jihad dari sudut syarak bermaksud perang mempertahankan agama dan Negara. Jihad bukan bermakna orang Islam dibenarkan untuk membunuh sesiapa sahaja secara membuta tuli. Islam agama mempromosikan keamanan dan keadilan. Keadilan jelas termaktub dalam Al-Quran dengan penetapan hukum bunuh balas ke atas pembunuhan tanpa hak yang benar. Walau bagaimanapun, keindahan Islam turut terserlah dalam hal ini apabila membenarkan kelonggaran

“ Manakala dalam surah al-Talaq ayat 3 pula, kita diingatkan bahawa sesiapa yang bertawakal kepada Allah SWT, maka Allah cukup baginya. Antara kelebihan orang yang mengiringi usaha dengan doa dan tawakal adalah memiliki hati yang tenang dan kejayaan yang cemerlang. ”

hukum bunuh balas dengan syarat mendapat kemaafan daripada keluarga si mati.

Dalam usaha jihad memerangi COVID-19 dan misi memerdekaan negara dari cengkamannya, kita perlu istiqomah dalam mengamalkan norma baru dan patuh garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Selain daripada itu, kita harus bekerjasama dalam menjayakan Pelan Pemulihan Negara yang dirancang oleh pihak pemerintah di mana rakyat harus tampil menerima suntikan vaksin bagi mewujudkan imuniti kelompok sebagaimana yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan vaksin yang diberikan kepada rakyat telah disahkan dari bahan yang halal oleh KKM.

Walau bagaimanapun, jika masih ada keraguan di hati masyarakat dan mengatakan ia dihasilkan daripada sumber yang tidak halal dan najis, maka pada ketika itu umat Islam perlu berpegang kepada kaedah

fiqh iaitu *addirurat tubih al-mahzurat* darurat mengharuskan yang bahaya (haram). Dalam mengamalkan kaedah ini, umat Islam terikat dengan satu lagi kaedah iaitu *addirurat tuqdiru biqadariha* bermaksud darurat itu diukur sekadar yang diperlukan sahaja. Berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Produk Vaksin COVID-19 di Fasiliti Kesihatan (Annex 48a), sukanat satu dos vaksin Pfizer adalah 0.3ml sahaja. Itu kadar yang diuji kaji cukup bagi setiap dos dalam usaha mencegah jangkitan COVID-19 yang telah meragut berjuta-juta nyawa manusia. Jaga nyawa adalah tuntutan agama yang digariskan dalam maqasid syariah demi menjamin kemaslahatan umat Islam.

Sehubungan dengan itu, jihad perbuatan tidak lengkap tanpa jihad perkataan. Maksud jihad perkataan adalah doa. Setiap usaha penting diiringi dengan doa dan tawakal. Islam menganjurkan kita berdoa dan bermunajat dalam usaha memohon perlindungan daripada

Allah SWT untuk menghadapi apa juga bala bencana dan musibah serta wabak penyakit. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 155-156 yang bermaksud: *Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit rasa takut, lapar, kurang harta dan jiwa serta hasil tanaman, berikan khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Orang-orang yang sabar adalah mereka yang apabila ditimpakan musibah akan mengucapkan Inna Lillah Wa Inna Ilayhi Rاجي (sesungguhnya kami datang daripadaNya, dan kepadaNya kami kembali).*

Selain daripada ucapan tersebut, usaha dan ikhtiar kita melawan COVID-19 harus diringi dengan doa-doа yang diajarkan oleh Rasulullah SAW sebagaimana maksud hadis berikut: *Ya Allah lindungi diriku dari penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit berbahaya. Di samping doa-doа khusus terdapat juga amalan doa-doа umum seperti dengan nama Allah yang tiada sesuatu di bumi maupun di langit dapat memudaratkannya bersama namanya. Bacaan doa ini dapat mengukuhkan keazaman dan jihad menempis segala kemudaratannya khususnya COVID-19.*

Keazaman kita untuk menang dalam jihad ini dilengkapkan dengan kebergantungan kepada Allah SWT. Ia terangkum dalam kalimah tawakal. Sikap ini ditutut dalam agama selepas kita berusaha gigih sebagaimana firman Allah

SWT dalam surah Ali-Imran ayat 159 yang bermaksud: *...apabila engku berazam, maka bertawakal kepada Allah, sesungguhnya Allah menyintai orang-orang yang bertawakal kepadaNya.*

Manakala dalam surah al-Talaq ayat 3 pula, kita diingatkan bahawa sesiapa yang bertawakal kepada Allah SWT, maka Allah cukup baginya. Antara kelebihan orang yang mengiringi usaha dengan doa dan tawakal adalah memiliki hati yang tenang dan kejayaan yang cemerlang.

Kesimpulannya, jihad memerangi COVID-19 dan misi memerdekaan negara harus digembleng seiring dan sekata antara usaha, doa dan tawakal. Di mana ada kemauan di situ ada jalan. Kita semua hendaklah bersatu hati bak peribahasa Melayu: bulat air kerana pembetung; bulat kata kerana muafakat.

Situasi kita kini ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua. Sikap mementingkan diri hanya merugikan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Jadilah rakyat yang bertanggungjawab dan prihatin, dan akhirnya merdeka dari COVID-19.

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya dan boleh dihubungi di aizan@um.edu.my.

SK Danau Kota (2) komited realisasikan Kempen 1 Pokok 1 RAS



SABRINA SABRE

KESEDARAN masyarakat mengenai alam sekitar dan ekosistem semula jadi dilihat mula menunjukkan peningkatan selepas program-program berkaitan persekitaran berjaya mendapat sambutan menggalakkan.

Baru-baru ini, Sekolah Kebangsaan (SK) Danau Kota (2) telah mengadakan Pelancaran Simbolik Penanaman Pokok bagi Kempen 1 Pokok 1 Rakan Alam Sekitar (RAS) untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar di samping menghargai fungsi ekosistem hutan untuk terus dipelihara.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Ts Dr Mohammad Ezanni Mat Salleh; Guru Besar SK Danau Kota (2), Mohd Razif Mohd Tahir; Yang Dipertua PIBG SK Danau Kota (2), Dr Khairul Awang dan Pengetua Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMA MAIWIP), Nurul Amali Mohd Shamsudin.

Menurut guru di SK Danau Kota (2), **Abd Rahim Yahya**, objektif utama pelaksanaan Kempen 1 Pokok 1 RAS adalah merupakan satu agenda nasional selain untuk memastikan kawasan sekolah mengekalkan keluasan tanah yang diliputi pokok-pokok hijau.

"Kedudukan sekolah yang dikelilingi bangunan tinggi di tengah-tengah ibu kota amat memerlukan pokok-pokok untuk penghasilan gas oksigen bagi kegunaan kehidupan sejagat."

"Bukan itu sahaja, kawasan sekolah yang dipenuhi pokok-pokok hijau juga berupaya menenangkan fikiran di samping berupaya menghasilkan suasana pembelajaran yang kondusif di sekolah," katanya.

Pada masa sama, Abd Rahim berkata Modul Alam Sekitar turut diserahkan kepada Penaung Kelab Alam Sekitar, Mardiana Mokhtar bagi memastikan pelaksanaan Program Alam Sekitar peringkat sekolah memenuhi kehendak dan panduan yang diinginkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Dalam pada itu, pihak JASWPKL turut menyerahkan poster-poster alam sekitar dan hebatan mengenai Larangan Pembakaran Terbuka.

"Melalui penyerahan poster-poster ini, kesedaran dapat dipupuk dalam kalangan murid-murid di sekolah ini ke arah membina sebuah negara maju yang seimbang dari segi pembangunan dan pemuliharaan alam sekitar."

"Pihak JASWPKL turut memberi rujukan pantas untuk orang awam membuat aduan mengenai pencemaran alam sekitar kepada JAS dengan perkongsian info talian yang berkaitan," katanya.

Tambahnya, kerjasama dan jalinan kolaboratif antara pihak sekolah dan JASWPKL banyak memberi kesedaran dan input baharu dalam mewujudkan suasana alam sekitar yang hijau dan sejahtera.

"Semoga kerjasama yang terjalin ini akan melahirkan murid-murid dan komuniti setempat yang prihatin terhadap alam sekitar dan memelihara kehidupan

yang sejahtera demi generasi mendatang," ujarnya.

Menariknya, Kick Off kempen pengumpulan e-waste turut

dijayakan bagi memastikan pembuangan bahan-bahan terpakai dikumpul dan dilupuskan mengikut saluran yang betul. **WK**





KELUARGA MALAYSIA

MY Medic@Wilayah



Jadual Perkhidmatan Bulan September 2022

		LOKASI 1	LOKASI 2	LOKASI 3
Minggu Pertama	Sabtu (3.9.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN	PPR SERI AMAN
	Ahad (4.9.2022)	PA SERI PULAU PINANG	PPR PUDU ULU	PA SERI SABAH 3B
Minggu Kedua	Sabtu (10.9.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PA SERI JOHOR 4AB	PA SERI TIOMAN
	Ahad (11.9.2022)	PPR PEKAN BATU	PPR SERI MALAYSIA	PPR DESA REJANG
Minggu Ketiga	Sabtu (17.9.2022)	PPR SERI AMAN	PA SERI SABAH 3A	PPR PUDU ULU
	Ahad (18.9.2022)	PPR PEKAN KEPONG	PPR BERINGIN	PA SERI TIOMAN
Minggu Keempat	Sabtu (24.9.2022)	PPR PEKAN BATU	PA SERI JOHOR 4C	PA WANGSA MAJU R10
	Ahad (25.9.2022)	PA FLAT SERI KOTA	PPR DESA REJANG	PPR SERI SARAWAK

Nota: Waktu operasi bagi setiap lokasi adalah bermula pada jam 9.00 pagi sehingga 1.00 t/hari

*tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

'Merdeka Museum Ride' kumpulkan peserta motosikal semarakkan Hari Kebangsaan ke-65



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PROGRAM Merdeka Museum Ride 2022 anjuran Muzium Labuan mengumpulkan 65 peserta motosikal berkuasa tinggi dan rendah bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-65 tahun di Pulau Bebas Cukai ini.

Pengarah Muzium Labuan, **Rohana Husin** berkata pengajuran itu dibuat bagi menyemarakkan lagi semangat dan rasa cinta masyarakat setempat kepada tanah air.

Katanya program seperti itu mampu memberi impak positif kepada masyarakat agar lebih peka dan sentiasa menghargai kemerdekaan yang telah kita kecapa ketika ini.

"Konvoi motosikal ini disertai oleh 65 buah motosikal berkuasa



ROHANA (tengah) bersama para peserta melaungkan "Merdeka" sebelum memulakan perjalanan seterusnya.

tinggi dan rendah sebagai simbolik sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Negara yang ke-65 pada tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelepasan konvoi itu di sini, pada Sabtu lalu.

Laluan konvoi motosikal itu bermula dari Muzium Labuan melalui Jalan Tun Mustapha menuju ke Jalan Patau-Patau, Jalan Sungai Keling, Jalan Kinabenuwa, Jalan Sungai Buton, Jalan Bebuloh, Jalan Sungai Pagar, Jalan Sungai



PARA peserta konvoi Merdeka Museum Ride mula bertolak ke destinasi seterusnya.

Lada, Jalan Pancur Hitam, Jalan Pohon Batu, Jalan Lubok Temiang, Jalan Tanjung Aru, Jalan Nagalang, Jalan Sawangan Cina dan Jalan Tanjung Batu dan Jalan Tanjung Purun.

Selain itu, Rohana berkata pada

program sama pihaknya turut mengadakan aktiviti sampingan iaitu Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak yang bertujuan untuk memupuk semangat muhibah, patriotik dan cinta akan negara. **WK**

19 pasukan Petanque Labuan sertai Pertandingan Petanque Terbuka

SEBANYAK 19 pasukan Petanque di Labuan menyertai Pertandingan Petanque Terbuka Ambang Merdeka, di Lawas, Sarawak sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-65.

Naib Presiden 1, Persatuan Petanque Labuan (PPWPL), **Ahmad Qhufry Hazlan** berkata pasukan Labuan (PPWPL) yang diwakili tujuh pasukan, lapan pasukan Bakat Wilayah Persekutuan dan empat pasukan lagi dari Persatuan Petanque Kampung Sungai Bangat.

"Kami meletakkan sasaran kedudukan ke 32 teratas pada pertandingan kali ini melibatkan tiga kategori selain menjadi medan persiapan pemain Bakat Wilayah Persekutuan yang sudah lama tidak menyertai sebarang pertandingan atau kejohanan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perlepasan Jelajah Merdeka Atlet 'Budak Pulau' dan Atlet Petanque Labuan ke Lawas di sini, pada Sabtu.

Sesi pelepasan 19 pasukan Petanque itu disempurnakan oleh Pengurus Perbadanan Labuan, Senator Datuk Bashir Alias dengan mengibarkan bendera Jalur Gemilang.

Dalam pada itu, Ahmad Qhufry turut memaklumkan dua pemain petanque Labuan turut menjalani persiapan insentif dengan pasukan Sukan



BASHIR (empat dari kanan) merasmikan pelepasan pasukan Petanque Labuan yang menyertai Pertandingan Petanque Terbuka di Lawas, Sarawak sempena Sambutan Hari Kebangsaan.



BASHIR (tengah) bersama 19 pasukan Petanque Labuan bersorak melaungkan Merdeka sebelum memulakan perjalanan ke Lawas, Sarawak.

Malaysia (SUKMA) Wilayah Persekutuan bagi mewakili Wilayah Persekutuan ke

100 perenang baharu sertai pertemuan julung kali PAL

PERSATUAN Aquatik Labuan (PAL) telah mengadakan pertemuan julung kali bagi renang baharu dengan penyertaan seramai 100 peserta di kolam renang Kelab Golf Labuan (LGC), baru-baru ini.

Perenang tersebut adalah daripada tiga ahli gabungan PAL iaitu Daniel & Iqa Swimming Academy (DISA), LIS Marlin (LIS) dan Victoria Swimming Club (VSC).

Menurut Naib Pengurus PAL, **Jessica Lee**, pertemuan renang itu adalah terhad kepada perenang yang bukan pemenang pingat acara individu dalam Kumpulan Umur Undangan Labuan (LIAG) dan MSSWPL (Sekolah Sukan Labuan Majlis) bermesyuarat tahun ini dengan pengecualian maksimum dua gangsa.

"Matlamat pertandingan ini adalah untuk menyediakan platform tambahan untuk pembangunan junior atau perenang muda untuk menimba pengalaman berdagang dan memberi peluang kepada peringkat seterusnya pemenang pingat."

"Pertemuan adalah penting dan kami berharap dapat mengembangkan lebih ramai bakat dan dari usia yang lebih muda," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Beliau berkata pihaknya sentiasa komited untuk membantu atlet ber-



ANTARA peserta renang baharu daripada tiga kelab renang yang menyertai pertemuan Persatuan Akuatik Labuan yang diadakan baru-baru ini.

prestasi tinggi dan mahu untuk melihat anak-anak muda seperti mereka di sini dipersiapkan untuk masa depan sukan di Labuan.

Hadir sama, Presiden PAL Su Thian Song, Wakil Red Union Raymond Tan dan Sekolah Antarabangsa Labuan Janice.

PAL turut mengucapkan terima kasih kepada rakan kerjasama iaitu Red Union, Perbadanan Labuan, Sky Blue, Sekolah Antarabangsa Labuan dan FINIS dalam menjayakan acara itu. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM180



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakan gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM180".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **10 SEPTEMBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 182.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 178

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM178:

NUR IRIS ADELIA M. FAKHZAN
(10 tahun)
Kg Datuk Keramat, Kuala Lumpur

DANIEL LIM AH LOCK
(12 tahun)
Kepong, Kuala Lumpur

HAZIQ IKHRAM MOHD HUSSAIN
(9 tahun)
Presint 14, Putrajaya



Karya Adik Nur Iris Adelia

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK178:

REEZAL ZAKARIAH
(46 tahun)
Bandar Baru Bangi, Selangor

NOOR AZIZAH SURATMAN
(53 tahun)
Jalan Gombak, Kuala Lumpur


SAIFUDDIN MAT YASSIN
(31 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

Durasi video tidak
lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali
NAMA PENUH, UMUR,
ALAMAT dan NO.
TELEFON IBU/BAPA.

TEKA SILANG KATA SK180



MELINTANG

1. Latihan
5. Sasaran/tujuan
7. Kuda yang besar dan tangkas
8. Duri yang lengkok
10. Alat muzik tradisional
11. Awalan nama arkitek
12. Kesudahan

KE BAWAH

1. Bunyi isyarat
2. Sinar dari dasar laut
3. Tidak mudah patah/kalah
4. Doa dalam solat
6. Berenang menelentang
9. Terlupa bawa/tercincir

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK180".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **10 SEPTEMBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 182.

3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi WILAYAHKU TV.



Dulu sewa 2 mesin jahit, kini raih jualan RM35,000 sebulan



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
SABRINA SABRE

JIIKA dahulu, kerjaya sebagai tukang jahit baju dipelopori oleh golongan wanita. Namun kini, ia bukanlah sesuatu yang asing apabila kaum lelaki juga tidak terkecuali bergelar pakar dalam bidang ini.

Melalui situasi yang sama, tukang jahit yang dikenali sebagai **Rusdi Puteh**, 45, mengakui kelebihannya dalam bidang tersebut membawa rezeki yang melimpah ruah buatnya sehingga berjaya membuka sebuah butik yang diberi nama Rusdi Puteh Tailor Clothiers.

Terletak di Presint 15, Putrajaya, butik tersebut yang baru beroperasi pada 1 Ogos lalu menandakan pencapaianannya setelah lebih lapan tahun menyewa di sebuah kedai kecil untuk menjalankan perniagaan jahitan.

Menyediakan perkhidmatan jahitan pakaian lelaki dan wanita seperti sut, baju korporat, kemeja, baju kurung dan sebagainya, dia

juga turut mengambil tempahan pelanggan yang ingin melakukan pengubahsuaian (*alteration*).

“Sebelum ini, di kedai pertama, kita banyak mengambil tempahan pakaian wanita dan *alteration*, kali ini kita masihkekalkan tempahan tersebut cuma ada penambahan selain harga bermula serendah RM90.

“Kami akan sentiasa memastikan kualiti atas jenama Rusdi Puteh Tailor Clothiers sentiasa dalam keadaan yang baik sebelum dijual. Kepuasan pelanggan menjadi keutamaan dan itu membuatkan kami mampu bertahan lama,” katanya yang turut mengambil tempahan baju batik.

Tambah Rusdi lagi, pihaknya akan sentiasa memantau dengan terperinci proses penghasilan pakaian dari mula hingga akhir bagi memastikan kualiti baju Rusdi Puteh Tailor Clothiers terjaga.

“*Ahmadulillah*, melalui cara itu, kami banyak mendapat maklum balas positif daripada pelanggan selain produk batik pula dibawakan khas dari negeri Terengganu,”

ujarnya yang mendapat maklum balas positif produk selesa dipakai dan warna tidak mudah luntur.

Sempena pembukaan Rusdi Puteh Tailor Clothiers pada Ogos lalu, Rusdi akan menambah baik perkhidmatan dari segi kuantiti tempahan serta mempelbagaikan tempahan pakaian lelaki dan wanita.

Dalam pada itu, dia tidak berhasrat untuk membuka cawangan lain selain di Putrajaya memandangkan ia baru sahaja dibuka tetapi bercadang untuk membuka bengkel bagi memudahkan kakitangannya menyiapkan tempahan pada tahun hadapan.

“Fokus utama saya adalah meningkatkan produktiviti, kualiti serta perkhidmatan yang ditawarkan tetapi sekiranya ia mendapat sambutan yang bagus, *insya-Allah* saya akan membuka cawangan di Cyberjaya,” tambahnya butiknya itu boleh memuatkan 25 pengunjung dalam satu-satu masa.

CECAH PENDAPATAN LEBIH RM35,000 SEBULAN

BERCERITA di sebalik kejayaannya mencapai hasil jualan lebih RM35,000 sebulan, dia mengakui banyak pengorbanan serta jerih perih yang terpaksa dilalui untuk berada di tahap tersebut.

“Setiap perniagaan pastinya mempunyai rintangan dan cabaran yang perlu ditempuhi. Mungkin luarannya nampak tenang, tetapi dalamannya hanya Tuhan sahaja yang tahu. Dahulu, saya hanya menyewa dengan orang selain bermodalkan dua buah mesin jahit.

“Waktu itu memang susah tetapi dengan dua buah mesin jahit itu jugalah membawa kepada pembukaan butik ini,” ujarnya yang mula menceburui dunia

perniagaan pada tahun 2014.

Berkongsi kenangan yang tidak dapat dilupakan, dia pernah terduduk apabila terpaksa menghentikan operasi kedai selama 75 hari atas arahan pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu.

“Macam-macam perasaan apabila menerima arahan tersebut mujurlah saya masih menerima tempahan melalui telefon. Jadi, perniagaan ini tidak terhenti begitu sahaja,” ujarnya yang terpaksa menghantar tempahan baju yang sudah siap ke rumah pelanggan ketika itu. **W.K**



info **Rusdi Puteh Tailor Clothiers**

Alamat: No 4, Ground Floor, Jalan Diplomatik 3/1, Presint 15, 62050 Putrajaya
Operasi: 10 pagi hingga 7 petang
Perkhidmatan: Tempahan baju lelaki dan wanita (korporat, sut, alter)
Telefon: 017-264 3885

RUSDI PUTEH

10 sekolah di Putrajaya menang Pertandingan Terarium



HAZIRAH HALIM

10 buah sekolah di Putrajaya diumumkan sebagai pemenang dalam Pertandingan Terarium pada Majlis Penghargaan Pertandingan Terarium sempena Floria Diraja Putrajaya (RFP 2022).

Pengarah Bahagian Botani, Perbadanan Putrajaya (PPj), **Mohd Tajuddin Idris** berkata 10 buah sekolah daripada 22 Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dipilih berpandukan gubahan serta persembahan terarium menarik, menepati tema dan memperkenalkan reka bentuk landskap terbaik.

"Bertemakan Khazanah Tropika, pertandingan ini merupakan salah satu usaha PPj dalam menjadikan warga sekolah Putrajaya terus sejahtera selain ia juga adalah sebuah program pendidikan berdasarkan botani."

"Terarium merupakan satu landskap hiasan yang menarik untuk dipelajari. Ia merupakan gubahan tumbuhan hidup yang dibina di dalam bekas balang kaca dengan menggunakan teknik aplikasi persekitaran biologi yang terkawal," ujar beliau.

Tambah beliau, seni itu



SEBAHAGIAN pemenang bergambar di Pentas Utama, Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya sejurus majlis penyampaian hadiah.

memerlukan ketelitian serta kesabaran ketika mengubah untuk menghasilkan satu reka bentuk mini landskap taman yang menarik.

"Jadi, Pertandingan Terarium yang diadakan ini bertujuan menyemai pengetahuan aras berkaitan botani dan latihan praktikal tentang kepelbagaiannya tumbuhan yang sesuai ditanam di dalam sebuah terarium.

"Ia juga dapat melatih pelajar sekolah di Putrajaya ini untuk membina mini taman landskap dengan idea yang kreatif, kondusif

dan lestari di samping membantu untuk mengindahkan persekitaran ruang dalaman sekolah masing-masing supaya lebih ceria dan menarik," ujar beliau.

Mohd Tajuddin berharap pertandingan ini dapat menggalakkan para pelajar untuk lebih menghargai dan menjaga alam sekitar serta membina generasi yang peka kepada persekitaran.

"Ia antara aktiviti pendidikan berdasarkan botani yang bermanfaat untuk kesejahteraan dan kelestarian Putrajaya sebagai

Bandar Raya Taman, Bandar Raya Bestari," ujar beliau.

Beliau turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan yang berjaya.

Terdahulu, majlis tersebut disempurnakan Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud diiringi Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, LAr. Abd Aziz Buang dan Timbalan Pengarah Perancangan Jabatan Pendidikan Wilayah Putrajaya, Dr Roslan Hussin. **W.K**

SENARAI PEMENANG

KATEGORI SK

Juara: **SK Putrajaya Presint 16 (1)** - Trofi, RM700, Sijil Penyertaan

Naib Juara: **SK Putrajaya Presint 9 (1)** - Trofi, RM500, Sijil Penyertaan

Tempat Ketiga: **SK Putrajaya 18 (1)** - Trofi, RM300, Sijil Penyertaan

Hadiah merit: **SK Putrajaya Presint 8 (2)** dan **SK Putrajaya Presint 11 (2)** - Trofi, RM200, Sijil Penyertaan

KATEGORI SMK

Juara: **SMK Putrajaya Presint 5 (1)** - Trofi, RM1,000, Sijil Penyertaan

Naib Juara: **SMK Putrajaya Presint 18 (1)** - Trofi, RM700, Sijil Penyertaan

Tempat Ketiga: **SMK Putrajaya Presint 14 (1)** - Trofi, RM500, Sijil Penyertaan

Hadiah merit: **Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya** dan **SMK Putrajaya Presint 11 (1)** - Trofi, RM300, Sijil Penyertaan

Lebih 10,000 Keluarga Malaysia meriahkan Ambang Merdeka di Anjung Floria

LEBIH 10,000 Keluarga Malaysia memeriahkan Sambutan Ambang Merdeka yang diadakan di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ketibaan Ismail Sabri di Anjung Floria pada pukul 11.30 malam diiringi Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim dan Timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias. Beliau disambut dengan sorakan Keluarga Malaysia serta kibaran Jalur Gemilang di Floral Skywalk, pintu masuk Anjung Floria.

Program yang bermula seawal 9 malam itu turut menyajikan persembahan barisan artis popular diiringi oleh Kombo PrecintNotes Perbadanan Putrajaya antaranya Ella, Haqiem Rusli, Afieq Shazwan, Ameng Spring dan ramai lagi.

Selain itu, tarian kebudayaan daripada Genius Seni Tari dan Kumpulan Tarian Rai'e



ISMAIL Sabri (tengah) bersama-sama Keluarga Malaysia meraikan Sambutan Ambang Merdeka di Anjung Floria Putrajaya, Rabu lalu.

turut dipersembahkan kepada pengunjung Sambutan Ambang Merdeka Putrajaya.

Tepat detik 12 tengah malam laungan merdeka sebanyak tujuh kali berkumandang diikuti dengan persembahan bunga api dan nyanyian lagu Negaraku.

Sambutan Ambang Merdeka Putrajaya merupakan anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).



NOTIS MAKLUMAN

PENUTUPAN SEMENTARA SEWAAN TAPAK & PENGANJURAN ACARA DI ANJUNG FLORIA, PRESINT 4, PUTRAJAYA

ADALAH DIMAKLUMKAN BAHWA ACARA FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2022 AKAN DIADAKAN PADA 29 OGOS HINGGA 4 SEPTEMBER 2022 DI ANJUNG FLORIA, PRESINT 4, PUTRAJAYA.

SEHUBUNGAN ITU, ANJUNG FLORIA, PRESINT 4 DITUTUP MULAI 15 JULAI 2022 HINGGA 30 SEPTEMBER 2022 BAGI MEMBERI LALUAN UNTUK KERJA-KERJA PERSEDIAAN SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS PENGANJURAN.

WALAU BAGAIMANAPUN, LAKE CABIN CAFE, CYCLIST CAFE DAN AKTIVITI REKREASI MASIH BEROPERASI SEPERTI BIASA.

PENGUNJUNG AWAM TIDAK DIBENARKAN MASUK

UNTUK MAKLUMAT ATAU PERTANYAAN, SILA HUBUNGITALIAN 03-8887 7774 / EMAIL: putrajayawetland@gmail.com

Sekian untuk makluman, terima kasih.

Teruja bersama skuad bola jaring kebangsaan

Nasha sedia tempa nama di luar negara

SABRINA SABRE

HAMPIR sembilan tahun mendapat pendedahan dalam sukan bola jaring, kini atlet Nasha Nuraina Muhammad Aznal, 21, bercita-cita untuk menempa kejayaan bersama skuad kebangsaan di Kejohanan Dunia.

Berada di posisi pertahanan, setiap kali terpilih untuk tampil di pentas pertandingan, dia sebolehnya mencuba untuk memastikan skuad bola jaring menempa kejayaan yang tersendiri.

"Saya akan berusaha bersungguh-sungguh kerana setiap kali pasukan memperolehi kemenangan, secara tidak langsung ia juga merupakan kejayaan bagi diri saya sendiri," katanya kepada *Wilayahku*.

Selain itu, atlet Wilayah



NASHA

Persekutuan yang mesra disapa Nasha ini meletakkan sasaran untuk mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

"Selagi apa yang dicita-citakan tidak tercapai, saya tidak mahu terlalu cepat meletakkan diri dalam zon selesa. Walau bagaimanapun *Alhamdulillah* sejak kecil lagi, saya lihat perjalanan dalam dunia sukan bola jaring ini mudah," ujar atlet yang mula berjaya aktif dalam sukan sejak berumur 12 tahun.

Menjadikan pemain Jamaican, Shamera Sterling sebagai idola kerana tahap kecerdasan pemain tersebut, Nasha mengaku latihan yang kerap dan konsisten amat diperlukan dalam sukan ini.

"Bagi saya, kemahiran dan ketangkasan dalam bermain dapat diperolehi melalui kekerapan



AKSI Nasha (dua kanan) dalam Sooka Netball Super League 2022.

latihan yang dijalani. Sebagai pemain, kita perlu sentiasa fokus ketika berada di gelanggang," ujar anak kelahiran Kuala Lumpur ini.

Sebagai pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa di Universiti Putra Malaysia (UPM), Nasha memberitahu dia menyimpan cita-cita untuk bergelar pengulas

sukan apabila tamat pengajian pada tahun 2024 kelak.

"Sungguhpun mencintai sukan bola jaring namun saya tidak pernah sesekali mengabaikan pelajaran dan menjadikan gelaran atlet sebagai suatu halangan. Itu janji saya kepada diri dan keluarga.

"Kalau boleh saya ingin bergelar

Pencapaian Nasha Nuraina

2021 - Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan yang ke-42 - Emas

2019 - Kejohanan Bola Jaring Kebangsaan yang ke-41 - Emas

2018 - Sukan Malaysia (SUKMA) - Emas

2018 - Kejohanan Bola Jaring Asia ke-11 OCBC Arena, Singapura - Tempat ketiga

atlet yang berpendidikan tinggi. Malah besar harapan suatu hari nanti dapat menjadi pengulas sukan yang hebat," ujar anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini. **WK**

PESAYA 2022: Sukan dart antara sasaran pingat emas

DIANA AMIR

KEHANGATAN Pesta Sukan Antara Yayasan Negeri SeMalaysia (PESAYA) 2022 semakin dirasai dan kali ini sedang giat dijalankan sesi pemilihan peserta Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi acara sukan dart.

Menurut jurulatih dart, **Mohd Ali Daud**, tiga komponen penting yang perlu dititikberatkan dalam sukan dart adalah fokus, kekuatan tangan dan juga minat yang mendalam terhadap sukan dart.

"Bagi mereka yang ingin bermain dart, antara elemen penting ialah fokus, kekuatan tangan untuk membaling dan yang paling penting adalah minat untuk mempelajari sukan ini. Seterusnya latihan secara berterusan juga perlu bagi melatih *muscle memory*



MOHD ALI

kita.

"Jika mana-mana individu atau pemain baharu mampu untuk menguasai ketiga-tiga ini, mereka mampu untuk memasuki pertandingan dart seterusnya memberi saingan hebat terhadap peserta lain," ujarnya yang pernah mewakili YWP ke PESAYA.

Berkongsi cara pemilihan peserta, Mohd Ali berkata pemilihan dilakukan secara liga dalam dua kategori yang akan diadakan di dua tempat berbeza.

"Kita akan bermain dalam satu kumpulan namun untuk sesi pemilihan akan dimainkan secara liga dalam dua kategori iaitu lelaki dan perempuan yang diadakan di Wisma YWP dan YWP Media.

"Cara pemilihan adalah berlandaskan lima terbaik lelaki dan perempuan di setiap peringkat



SESI pemilihan kini sedang giat dijalankan di Wisma YWP dan YWP Media.

kumpulan. *Insya-Allah* kita sasarkan dalam masa tiga minggu ini senarai akhir peserta akan dikeluarkan," katanya.

Mengulas lanjut sesi pemilihan yang dijalankan di YWP Media minggu lalu, Mohd Ali berkata, terdapat beberapa peserta lelaki dan perempuan yang berpotensi

menjadi bakat baharu seterusnya mewakili YWP bagi acara dart.

"Kalau mereka terpilih dan sekiranya tumpuan diberikan sepenuhnya dalam tempoh tiga bulan ini, mereka mampu memberi saingan hebat di PESAYA," ujarnya.

Mohd Ali turut memaklumkan sebelum ini YWP dinobatkan naib

juara dan tewas kepada Yayasan Sarawak.

"Dalam PESAYA ke-13 yang diadakan di Langkawi, kita berjaya mendapat naib juara dan diharapkan penganjuran kali ini pasukan YWP mampu memberi saingan hebat seterusnya merebut emas bagi acara dart.

"Saingan hebat kita adalah Yayasan Sabah serta Sarawak. Diharapkan dengan kehadiran bakat-bakat baharu kita mampu menunjukkan prestasi yang jauh lebih baik berbanding sebelumnya," jelasnya sukan dart antara yang menjadi sasaran bagi penyumbang emas di PESAYA ke-14.

Sebagai rekod, PESAYA yang akan berlangsung pada 3 hingga 13 November di Sarawak merupakan penganjuran kali ke-14 yang mempertandingkan 10 jenis sukan. Ia akan dikelolakan oleh Yayasan Sarawak dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Sarawak. **WK**

GAMBAR PILIHAN MINGGUINI

Sejarah tercipta buat KL City

Foto: Instagram KL City FC

RAI. Kuala Lumpur City FC (KL City) meraikan kejayaan sejurus menuju Zon ASEAN dalam saingan Piala AFC menewaskan kelab dari Indonesia, PSM Makassar 5-2 di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, minggu lalu.

Keputusan tersebut sekali gus menjadikan skuad *The City Boys* sebagai juara peringkat Zon Asean

dengan rekod tanpa kalah setakat ini.

Kejayaan gemilang itu membolehkan pasukan membawa pulang 100,000 USD (RM448,550.00) selaku juara Zon ASEAN seterusnya mara ke peringkat separuh akhir antara zon.

Kemenangan tersebut begitu bersejarah buat KL City di peringkat antarabangsa selepas pencapaian Johor Darul Ta'zim (JDT) muncul juara Piala AFC pada 2015 lalu. **WK**



KL CITY meraikan kemenangan menuju Zon ASEAN di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras baru-baru ini.

Wilayah Persekutuan sasar juara keseluruhan SUKMA 2022

KONTINJEN Wilayah Persekutuan meletakkan sasaran juara keseluruhan dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2022 yang bakal berlangsung dari 16 hingga 24 September di sekitar Lembah Klang.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata sasaran itu realistik kerana kontinjen Wilayah Persekutuan akan menyertai semua 31 sukan dipertandingkan.

"Kontinjen Wilayah Persekutuan terdiri daripada 766 atlet serta pegawai dan persiapan kini pada tahap 90 peratus dan setiap sukan sedang menjalani latihan di kem fasa terakhir. Kita meletakkan matlamat untuk menjadi johan keseluruhan bagi SUKMA kali ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penyampaian Bantuan Pentadbiran kepada Persatuan Sukan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur 2022 pada Selasa.

Katanya, keputusan untuk menyertai kesemua acara yang dipertandingkan itu bertujuan untuk mengetengahkan barisan atlet pelapis sebagai persiapan untuk masa hadapan.

"Bagi kita ialah memilih pelapis itu penting. Saya sebagai Presiden Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM), saya nak tengok pelapis dan hanya melalui temasya SUKMA, setiap kontinjen dapat melahirkan bakat baharu untuk dilatih sehingga mereka mampu mewakili negara."

"Selepas ini kita kena buat program lain untuk mendapatkan atlet untuk



SHAHIDAN (tengah) menyampaikan sumbangan kepada sebuah kelab sukan dalam Majlis Penyampaian Bantuan Pentadbiran Kelab Sukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada Selasa.

dilatih bagi tempoh tertentu sehingga mereka masuk ke fasa-fasa yang telah ditetapkan iaitu dari Sukma, Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan seterusnya Sukan Olimpik," katanya.

Terdahulu, Shahidan berkata Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) memperuntukkan sumbangan keseluruhan berjumlah RM318,000 kepada 80 persatuan sukan yang terdiri 48 persatuan sukan di Kuala Lumpur dan 32 persatuan sukan di Putrajaya masing-masing menerima bantuan berjumlah antara RM3,000 dan RM8,000.

"Sumbangan ini untuk melahirkan lebih ramai juara dunia, persatuan sukan diminta kekal komited dalam melahirkan sebanyak mungkin bakat

yang ada bagi mengharumkan nama negara dan mengetepikan segala isu politik dalaman bagi memberi tumpuan kepada objektif utama pembangunan sukan itu," katanya.

Dalam majlis tersebut, seramai 18 atlet Wilayah Persekutuan telah diwujudkan tawaran Skim Bantuan Awal ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang disediakan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP).

Di bawah skim ini, permohonan atlet-atlet yang mewakili Wilayah Persekutuan dalam sebarang kejohanan di peringkat kebangsaan adalah layak untuk diberikan pertimbangan khas jika telah mendapat surat tawaran kemasukan ke IPT. **WK**



ZAIZALNIZAM (kiri) menyaksikan penyerahan sijil oleh Azian Alias kepada seorang ibu 'Bayi Merdeka' di wad Jabatan Obstetri dan Ginekologi, Hospital Putrajaya.

YWP rai enam 'Bayi Merdeka' di Hospital Putrajaya

SEMPENA Sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia kali ke-65, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) meraikan kelahiran 'Bayi Merdeka' dalam satu Majlis Sambutan Bayi Merdeka di wad Jabatan Obstetri dan Ginekologi, Hospital Putrajaya.

YWP turut memberikan sumbangan 30 hamper berupa baju dan barang bayi untuk mereka yang lahir pada detik 12 tengah malam, 31 Ogos 2022.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** mewakili Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata pihaknya berbesar hati dapat menghulurkan bantuan bagi meraikan kelahiran pada tarikh keramat Malaysia bebas daripada penjajah.

"Saya difahamkan sehingga pukul 8 pagi, seramai empat orang bayi perempuan dan dua orang bayi lelaki dilahirkan pada detik bersejarah Negara Malaysia iaitu 31 Ogos. Justeru, kami turut berbesar hati memberikan 80 beg cenderahati kepada kanak-kanak lain di hospital ini," ujar beliau sumbangan tersebut turut mendapat kerjasama Bank Rakyat.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Pengurusan Hospital Putrajaya, Anthony Dinesh A/L Balan, Pengurus Bank Rakyat Cawangan Putrajaya, Azian Alias dan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Putrajaya, Huzry Fionnawatty Hussien. **WK**

Nekad tinggalkan dadah, Mamat Exists mahu fokus konsert

MAMAT

DEEL ANJER



SEJARAH bergelar pengguna dadah menjadi satu episod hitam yang tidak mungkin dapat dipadam dalam hidup vokalis popular Mamat Exists.

Menurut Mamat atau nama sebenarnya **Mohd Ali Kamarudin**, 44, selain faktor usia yang mendorong dirinya untuk berubah, sokongan rakan-rakan juga menguatkan semangatnya.

Dalam masa yang sama, Mamat mengaku dia masih dipantau pihak Agensi Antidada Kebangsaan

(AADK) bagi memastikan dirinya 'bersih' daripada dadah.

"Saya masih dalam pemantauan dan mengikuti program anjuran AADK. Pemantauan tidak begitu ketat, selepas melihat proses yang baik dan saya bukan jenis menghilang begitu sahaja."

"Cuma saya tidak boleh bergerak bebas seperti biasa. Lagipun saya tidak boleh lari kerana dikenali ramai dan mereka tahu tempat tinggal serta setiap jadual kerja saya."

"Apa pun saya bersyukur kerana kehidupan saya kini lebih baik dan terurus," ujar Mamat.

Mamat juga meluahkan rasa syukur apabila peluangnya untuk menyanyi sentiasa terbuka dan diterima baik.

Terbaru, Mamat bakal menjayakan Konsert Resolusi Exists yang akan berlangsung pada 18 November 2022 di Zepp, Kuala Lumpur.

"Rakan-rakan Exists yang panggil saya semula sudah tentu saya berbesar hati kerana inilah peluang terbaik untuk saya buat kemunculan

semula dalam industri.

"Usia pun sudah 40-an, sekarang memang saya akan berkomitmen sepenuhnya terhadap kerja-kerja saya."

"Kesihatan saya berada dalam keadaan baik dan difahamkan saya akan menyanyi berbelas lagu juga."

"Sebagai persediaan untuk bertemu peminat, saya lebih banyak berlatih depan cermin," tutur Mamat yang ditemui pada sidang media Konsert Resolusi Exists di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, baru-baru ini.

Konsert Resolusi Exists bakal menyaksikan Mamat akan berkongsi pentas bersama dua penyanyi baharu iaitu Pasha dan Eiz yang merupakan anak didik kumpulan legenda itu.

Buat peminat, tiket konsert yang dijual pada harga serendah RM190 sehingga RM800 telah mula dijual pada 29 Ogos 2022.

Tiket boleh didapati menerusi laman web, www.ticket2u.com.my. **WK**